

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2025

FAKULTI FARMASI
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN
KESUKARELAWAN

KETUA PTJ :

ABU BAKAR BIN ABDUL MAJEED

KETUA UNIT KUALITI :

AZLINDA BINTI MOHAMAD NOR

PENYELARAS :

MASHANI BINTI MOHAMAD

PENULIS :

1. AZLINDA BINTI MOHAMAD NOR
2. AZLINDA BINTI MOHAMAD NOR
3. SHAMSOL KAMAL BIN SHRRIFFUDIN
4. SHAMSOL KAMAL BIN SHRRIFFUDIN
5. AISYAH HASYILA BINTI JAHIDIN
6. YUSLINA BINTI ZAKARIA
7. KHURIAH BINTI ABDUL HAMID

8. NORMALA BINTI ABD LATIP
9. ZAKIAH BINTI MOHD NOORDIN
10. FARHANA FAKHIRA BINTI ISMAIL
11. NURUL IZZATI BINTI OSMAN
12. NORKASIHAN BINTI IBRAHIM
13. HASSERI BIN HALIM
14. AZWANDI BIN AHMAD
15. NORAZLINA BINTI AHMAD
16. AHMAD AZANI BIN OTHMAN
17. SYAHIDA FATHIAH BINTI AHMAD KAMAL
18. MOHD ALIMUKHTI BIN MANSOR
19. HAMZAH BIN AZIZ
20. NOR AZLIANA BINTI NORLI
21. FAZLEEN HASLINDA BINTI MOHD HATTA
22. SITI NOORAISHAH BINTI HUSSIN
23. RUZIANISRA BINTI MOHAMED
24. KALAVATHY A/P RAMASAMY
25. LIM SIONG MENG
26. NOR KHAIZAN BINTI ANUAR
27. SITI ALWANI BINTI ARIFFIN
28. MIZATON BINTI HAZIZUL HASAN
29. NIK ATEERAH RASHEEDA BINTI MOHD ROCKY
30. MAZIANA BINTI MAHAMOOD
31. MUHAMAD FAIZ BIN OTHMAN
32. AIDA AZLINA BINTI ALI
33. HISYAM BIN ABDUL HAMID
34. MASHANI BINTI MOHAMAD

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pendekatan (*Approach*)

Pengurusan Kanan Fakulti Farmasi (PH) TELAH merangka beberapa **PERANCANGAN** Bidang Tumpuan (BT) iaitu Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (ICAN) dengan **memformulasikan** Pelan Tindakan Strategik (PTS) yang dibangunkan berdasarkan sasaran petunjuk prestasi (PI) dan didokumentasikan dalam ***Strategic Plan 2024-2025 Faculty of Pharmacy, UiTM***. Perancangan dirangka berdasarkan aspirasi UiTM untuk menjadi “Universiti Terkemuka Dunia” menjelang tahun 2025 dan hasrat negara selaras dengan visi dan misi Malaysia MADANI. Garis panduan yang digunakan dalam merangka PTS BT adalah berdasarkan **Pelan Strategik UiTM 2025, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Gagasan Malaysia MADANI, Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, National Policy on Industry 4.0, Dasar Keusahawanan Nasional 2030, Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs - Sustainable Development Goals), dan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030.**

Perluasan (*Deployment*)

Hasil daripada perancangan tersebut, Pengurusan Kanan PH TELAH **MELAKSANAKAN** aktiviti-aktiviti yang dirancangan di peringkat melangkaui UiTM, melalui tiga **inisiatif strategik** utama bagi memenuhi sasaran PI BT iaitu **ACT (*Alumni for Change and Transformation*)**, **SynergizED (*Impactful Partnership Initiative*)** dan **SHINE (*Supporting Health in Neighborhoods*)**. Aktiviti-aktiviti tersebut TELAH mengasah kemampuan dan **akauntabiliti** warga PH dalam mempertingkatkan pencapaian BT dengan **penglibatan** kolaborasi industri dalam dan luar negara yang memberi impak kepada **lingkaran empat serangkai (*Quadruple Helix*)**. Kolaborasi bersama KKM, Alpro Sdn Bhd., dan Pfizer (M) Sdn Bhd berjaya menghasilkan program komuniti berimpak. Melalui geran penyelidikan Ce-SIR dan iMAP, program **memperkasakan komuniti** yang **bersifat inklusif** dapat dilaksanakan. Selain itu, **keterlibatan alumni** dijayakan melalui platform e-buletin, *Prescription Newsletter* yang mengetengahkan alumni PH sebagai kolumnis. Penetapan PTS dan aktiviti BT ini telah disebarluaskan di laman web rasmi PH, melalui hebahan emel, serta dimuatnaik di media sosial rasmi PH.

Pembelajaran (*Learning*)

Pemantauan

Pengurusan Kanan PH TELAH membuat **PEMANTAUAN** berkala dan **berintegriti** melalui pembentangan analisa pencapaian oleh Timbalan Dekan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (TD ICAN) dan Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) untuk tindakan penambahbaikan Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat KajiSemula Pengurusan dan perbincangan khas.

Kenalpasti risiko

PENYENARAIAH RISIKO melalui analisis SWOT (*Strength, Weakness, Opportunity & Threat*) dalam ***Strategic Plan 2024-2025 Faculty of Pharmacy, UiTM*** dan **risiko strategik telah didaftarkan** bagi setiap PTS di dalam UiSMS beserta dengan **tindakan pencegahan dan penambahbaikan** bagi setiap program.

Penambahbaikan

Langkah **PENAMBAHBAIKAN** TELAH dilaksanakan oleh Pengurusan Kanan PH berdasarkan hasil analisa data yang telah diambil tindakan yang efektif melalui penambahbaikan hasil perancangan strategik seperti peningkatan permohonan geran komuniti geran dan **pemeriksaan** inovasi pembelajaran melalui Kumpulan Inovatif Kreatif.

Integrasi

INTEGRASI yang inklusif hasil proses kepemimpinan yang mampan telah menjadi amalan dan pembudayaan merentas UiTM, melalui pembudayaan berkesan melalui pelaksanaan aktiviti BT, secara maya, komunikasi dua hala dan pelbagai pengiktirafan di peringkat UiTM (MeTIC, AKPU 2024) dan antarabangsa (QS world ranking).

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kaedah berikut TELAH diamalkan oleh Pengurusan Kanan PH untuk menggerakkan BT:

Perancangan sistematik inisiatif strategik utama bagi memenuhi sasaran petunjuk prestasi BT berdasarkan dokumen **Strategic Plan 2024-2025 Faculty of Pharmacy, UiTM**. Perancangan ini TELAH mengambil kira PENILAIAN RISIKO berdasarkan analisis SWOT bagi BT.

Tiga inisiatif strategik TELAH diwujudkan di bawah **tema strategik ke-5 GRU2025**, Industry, Community & Alumni Smart Partnership iaitu **ACT (Alumni for Change and Transformation)**, **SynergizED (Impactful Partnership Initiative)** dan **SHINE (Supporting Health in Neighborhoods)** untuk memperkasa aktiviti BT (Bukti 1.2 a).

Ketiga-tiga inisiatif strategik ini **TELAH diformulasikan secara SISTEMATIK** dengan mengambil kira **hala tuju dan garis panduan** di peringkat global, kebangsaan, kementerian, universiti dan fakulti. Di antara garis panduan yang digunakan adalah **Pelan Strategik UiTM 2025**, **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)**, **Gagasan Malaysia MADANI**, **Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030**, **National Policy on Industry 4.0**, **Dasar Keusahawanan Nasional 2030**, **Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs - Sustainable Development Goals)**, dan **Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030** (Bukti 1.2 b) bagi memenuhi 'Jaringan 4 Serangkai' (**Quadruple Helix, QH**) iaitu kerjasama strategik antara universiti, industri/NGO, kerajaan dan komuniti.

Penetapan inisiatif strategik TELAH menyasarkan **elemen inovasi, penilaian dan penambahbaikan** seperti berikut: (Bukti 1.2 c):

1. Pemerikasaan jaringan alumni secara strategik adalah selaras dengan **Teras Strategik Kecemerlangan Global dalam Pelan Strategik UiTM 2025** yang menekankan pemerikasaan jaringan pintar dengan alumni dan komuniti sebagai rakan strategik.
2. Penglibatan alumni sebagai tenaga pakar dalam proses pengajaran, penyeliaan dan bimbingan selari dengan **10 Lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)** yang menekankan keunggulan global melalui kolaborasi pelbagai pihak termasuk alumni berpengalaman.
3. Selaras dengan matlamat **SDG3: Good Health and Well Being**, aktiviti BT memberi fokus kepada program pendidikan kesihatan dalam kalangan komuniti, kolaborasi NGO dan institusi pendidikan. Ini turut menyokong misi UiTM dalam memacu kesejahteraan masyarakat melalui program pemindahan ilmu dan selari dengan **Strategi Teras 2 dalam Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030**.
4. Penjanaan peluang pekerjaan dan keusahawanan graduan adalah tunjang utama **Dasar Keusahawanan Nasional 2030** dan turut senada dengan **Objektif 8 Pelan Strategik UiTM 2025** melalui strategi pemerikasaan jaringan strategik bersama alumni dan industri.
5. Merujuk kepada **RMK-12** juga, kebolehpasaran graduan akan dipergiat melalui kerjasama yang lebih erat antara rakan industri tempatan dan antarabangsa seperti yang digariskan dalam **Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025**.

Contoh aktiviti BT yang menekankan **elemen INOVASI** adalah projek **PharmPathFinder** oleh Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) PH dalam Konvensyen KIK UiTM 2024 (Bukti 1.2 d). Manakala elemen **PENILAIAN dan PENAMBAHBAIKAN BT** direalisasikan melalui beberapa projek bersama komuniti seperti Perkongsian Penggunaan Ubat Semasa Berpuasa Ramadhan, dan sambutan *World Pharmacist Day* yang menyumbang secara langsung kepada objektif membentuk masyarakat yang cakna akan kepentingan menjaga kesihatan dan menyokong pendekatan lestari dalam sistem penjagaan kesihatan negara. Sementara itu program Kempen Kesedaran Pelupusan Ubat Secara Selamat 2.0 Ecopharma@UCS dianjurkan bagi menghasilkan program komuniti berimpak dan memperkasakan kolaborasi industri melalui *Memorandum of Agreement* bersama Alpro Pharmacy Sdn. Bhd (Bukti 1.2 e).

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang dinyatakan, Pengurusan Kanan PH TELAH membuat **perancangan sistematik** terhadap pendekatan dan kaedah bagi menggerakkan BT dengan mangambilkira elemen **inovasi, penilaian dan penambahbaikan**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_K01_KB02_20251_1.2 a.pdf](#)
2. [F0046_K01_KB02_20252_1.2 b.pdf](#)
3. [F0046_K01_KB02_20253_1.2 c.pdf](#)
4. [F0046_K01_KB02_20254_1.2 d.pdf](#)
5. [F0046_K01_KB02_20255_1.2 e.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perancangan **tiga inisiatif strategik utama** berkaitan BT iaitu **ACT, SynergizED dan SHINE** TELAH dirangka dengan mengambil kira keperluan yang telah digariskan dalam **memenuhi petunjuk prestasi PH** berdasarkan penetapan oleh pihak TRU (Pejabat Transformasi Universiti) (Bukti 1.3 a). Melalui ketiga-tiga inisiatif strategik ini, aktiviti-aktiviti yang melibatkan pemerkasaan projek komuniti berimpak tinggi dan jalinan rangkaian kerjasama industri sehingga ke peringkat antarabangsa **TELAH dirangka dan dilaksanakan** di bawah pemantauan utama Timbalan Dekan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) PH dan melibatkan **kerjasama serta delegasi tugas** yang berkesan dalam kalangan jawatankuasa program-program yang dianjurkan.

Pelaksanaan inisiatif strategik dan keperluan memenuhi petunjuk prestasi ini **TELAH disebar luas kepada semua warga PH** secara sistematik melalui pelbagai medium. Penetapan inisiatif strategik PH ini telah dihebahkan secara konsisten di laman web rasmi PH (Bukti 1.3 b), dan pemantauan dilakukan oleh Penyelaras Strategik dan Transformasi (PSTU) PH melalui Mesyuarat Pengurusan (Bukti 1.3 c). Selain itu, hebahan turut disebarluaskan dengan pemakluman aktiviti BT melalui emel kepada **warga UiTM** (Bukti 1.3 d) dan media sosial seperti laman Facebook rasmi PH (Bukti 1.3 e).

Komunikasi berkesan melalui perluasan hebahan aktiviti-aktiviti BT ini berfungsi sebagai pemakluman dan bertujuan **meningkatkan keterlihatan** PH selain meraih penglibatan daripada seluruh pihak yang berpotensi menyertai aktiviti-aktiviti yang dihebahkan.

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik PH yang dirancang TELAH dilaksanakan pada tahap **pelaksanaan meluas yang melangkaui peringkat UiTM**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_K01_KB03_20251_1.3 a.pdf](#)
2. [F0046_K01_KB03_20252_1.3 b.pdf](#)
3. [F0046_K01_KB03_20253_1.3 c.pdf](#)
4. [F0046_K01_KB03_20254_1.3 d.pdf](#)
5. [F0046_K01_KB03_20255_1.3 e.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Kanan PH TELAH **melaksanakan pemantauan berterusan** menerusi beberapa pelan tindakan bagi **mengenalpasti pencapaian** program-program BT melalui mekanisma pemantauan seperti berikut:

- **Pengenalpastian** pencapaian petunjuk prestasi BT yang terdahulu **dalam Bengkel Perancangan Strategik PH**. (Bukti 1.4.1 a)
- Pemantauan berkala pencapaian PTS oleh Timbalan Dekan ICAN dan PSTU PH dalam setiap **Mesyuarat Pengurusan PH** dan **Mesyuarat Bersama Timbalan Dekan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni**. (Bukti 1.4.1 b)
- Pemantauan pencapaian & keberkesanan program berdasarkan **pelaporan aktiviti** yang melibatkan BT. (Bukti 1.4.1 c)
- **Pemantauan melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan dan pencapaian berkala Objektif Kualiti** oleh Unit Kualiti dan Timbalan Dekan ICAN PH berkaitan BT. (Bukti 1.4.1 d)

Pengurusan Kanan PH TELAH melaksanakan **pemantauan bagi mengenalpasti punca kegagalan** sesuatu inisiatif bagi BT. Hasil pemantauan melalui pelbagai mekanisme ini TELAH dibincangkan dalam **kaji semula pengurusan** melalui inisiatif berikut:

- Pengenalpastian kekuatan dan kelemahan BT melalui **perbincangan dan analisis SWOT** berdasarkan pengumpulan dan analisis data dalam **Bengkel Perancangan Strategik PH** yang melibatkan semua ahli pengurusan PH, jawatankuasa berkaitan, dan staf senior fakulti yang bertindak sebagai pakar rujuk. (Bukti 1.4.1 a)
- **Penyenaraian isu** yang dihadapi serta cadangan penambahbaikan bagi setiap petunjuk prestasi dalam Mesyuarat Pengurusan PH dan Mesyuarat Bersama Timbalan Dekan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni serta pengenalpastian risiko di sistem bersepadu UiTM (UiSMS). (Bukti 1.4.1 b)
- Pemantauan keberkesanan program yang telah dijalankan bagi penambahbaikan masa hadapan. (Bukti 1.4.1 c)
- **Pemantauan pencapaian Objektif Kualiti** BT dipantau dari semasa ke semasa secara berkala. (Bukti 1.4.1 d)
- **Pembentangan** tahap pencapaian setiap Petunjuk Prestasi dilaporkan berdasarkan pencapaian bulanan yang dikemaskini oleh Pengarah Program ke dalam sistem bersepadu UiTM (UiSMS) (Bukti 1.4.1 e)

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, PH TELAH mengenalpasti pencapaian BT dan punca kegagalan sesuatu inisiatif bagi BT. PH TELAH melaksanakan pelan pemantauan yang berkesan terhadap objektif dan inisiatif strategik (PTS). Data pemantauan ini TELAH dikumpul dan dianalisis. Hasil analisis data ini TELAH **digunakan untuk penambahbaikan proses** melibatkan kumpulan sasaran dan digunakan dalam **kaji semula pengurusan**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_K01_KB04_KC01_20251_1.4.1 a.pdf](#)
2. [F0046_K01_KB04_KC01_20252_1.4.1 b.pdf](#)
3. [F0046_K01_KB04_KC01_20253_1.4.1 c.pdf](#)
4. [F0046_K01_KB04_KC01_20254_1.4.1 d.pdf](#)
5. [F0046_K01_KB04_KC01_20255_1.4.1 e.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko-risiko BT TELAH **dikenalpasti** semasa **Bengkel Perancangan Strategik PH**. Selain itu penyenaaraian risiko berkaitan BT turut didaftarkan dalam **Daftar Risiko PTS** menerusi sistem bersepadu UiTM (UiSMS) dan **pengenalpastian ancaman melalui analisis SWOT** dalam Pensejajaran Perancangan Strategik 2024-2025 PH.

Ketiga-tiga PTS BT dilihat memiliki beberapa faktor yang telah dikenalpasti menjadi ancaman kepada keberhasilan aktiviti BT iaitu (1) kekurangan keterlibatan komuniti dan alumni, (2) kekangan dalam kelestarian projek berikutan ketiadaan pelan jangka panjang bersama komuniti dan rakan kolaborator strategik, serta (3) faktor luaran seperti kemerosotan ekonomi. (Bukti 1.4.2 a)

Bagi faktor ancaman pertama (1), **PH TELAH mengambil LANGKAH penambahbaikan** dengan menganjurkan program-program bersama komuniti seperti program kesedaran penggunaan dan keselamatan ubat-ubatan bersama masyarakat. Selain itu, segmen khas dalam makalah terbitan fakulti secara bulanan (*Prescription Newsletter*) diwujudkan bagi alumni menjadi kolumnis untuk berkongsi input mengenai pengetahuan dan pengalaman kerjaya mereka dalam bidang farmasi (Bukti 1.4.2 b).

Bagi faktor ancaman kedua (2), Pengurusan Kanan PH **TELAH mengambil INISIATIF menganjurkan** program yang menekankan kelestarian kebajikan komuniti khususnya golongan kurang berkemampuan dalam kalangan murid-murid sekolah rendah dengan pemberian bantuan kewangan dan lawatan berkala menerusi program Murid Angkat Sekolah Kebangsaan Puncak Alam 2 (Bukti 1.4.2 c). Di samping itu, bagi **menggiatkan usaha sama** bersama kolaborator, penganjuran *International Research Network Initiative (IRNI) 2024* telah dilaksanakan dengan penglibatan pelbagai institusi pendidikan tinggi di rantau Asia seperti Indonesia, Vietnam dan India. **Penglibatan bersama** rakan kolaborator di peringkat antarabangsa turut dijalankan melalui program *International Research and Leadership Summit Meeting 2024* bersama Universitas Hasanuddin Indonesia (Bukti 1.4.2 d).

Sementara itu, bagi ancaman ketiga (3), Pengurusan Kanan PH **TELAH mengambil beberapa TINDAKAN** antaranya dengan memanfaatkan program CEO@Faculty yang diperkenalkan bagi **menerapkan perkongsian pengetahuan dan kepakaran** antara akademia dan industri. Jaringan akademia-industri turut diperkukuhkan dengan penganjuran program CEO-Insights yang melibatkan kolaborasi bersama Pfizer Malaysia Sdn. Bhd. Melalui usaha sama seumpama ini, warga fakulti mendapat pendedahan dari sudut pandang pengamal industri, perkongsian pengetahuan berhubung keperluan industri dan penjana pendapatan yang amat diperlukan dalam menangani kemerosotan ekonomi (Bukti 1.4.2 e).

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, Pengurusan Kanan PH **TELAH mendaftar, menilai, menganalisis dan merancang tindakan pencegahan** risiko BT dengan langkah penyelesaian yang bersesuaian.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_K01_KB04_KC02_20251_1.4.2 a.pdf](#)
2. [F0046_K01_KB04_KC02_20252_1.4.2 b.pdf](#)
3. [F0046_K01_KB04_KC02_20253_1.4.2 c.pdf](#)
4. [F0046_K01_KB04_KC02_20254_1.4.2 d.pdf](#)
5. [F0046_K01_KB04_KC02_20255_1.4.2 e.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan PH TELAH **menganalisis** hasil perancangan strategik BT. Hasil analisis ini TELAH digunakan untuk tindakan penambahbaikan. Menerusi Perbincangan Pelan Perancangan Strategik PH dan Mesyuarat Pengurusan PH yang dijalankan secara berkala, semua data dan maklumat berkaitan BT TELAH dibentang dan dibincangkan oleh Pengurusan Kanan PH untuk langkah penambahbaikan. Hasil kajian semula telah **mengenalpasti penambahbaikan-penambahbaikan** terhadap hasil perancangan strategik sedia ada bagi BT seperti berikut (Bukti 1.4.3 a):

1. **Menganjur dan menyelaraskan** program kebajikan dan aktiviti sosial bersama komuniti.
2. **Memanfaatkan kepakaran dalaman** dalam program-program berteraskan perkongsian pengetahuan dalam menyebarkan maklumat bersama masyarakat seperti program kesedaran berkaitan ubat-ubatan, penjagaan kesihatan warga emas, dan usaha sama penyelidikan dalam bidang farmasi klinikal berfokuskan kepakaran buah pinggang (*renal*).
3. **Mengaplikasi teknologi digital** dengan penganjuran projek BT secara atas talian untuk meningkatkan penyertaan dan aksesibiliti

Penambahbaikan yang telah dikenalpasti di peringkat Pengurusan Kanan PH TELAH **dikongsikan bersama warga PH serta peringkat global** melalui hebahan aktiviti-aktiviti BT menerusi emel serta promosi aktiviti di laman sesawang dan media sosial rasmi PH (Bukti 1.4.3 b).

Hasil penambahbaikan (1) TELAH meningkatkan prestasi PH dengan kejayaan **memenangi anugerah IPR Special Award 2024** menerusi projek pemerkasaan komuniti mengenai penggunaan ubat-ubatan secara berkualiti (*Empowering the Community for Quality Use of Medicines*). (Bukti 1.4.3 c)

Hasil penambahbaikan (2) TELAH meningkatkan prestasi PH dalam aspek **pencapaian kecemerlangan** dengan pengiktirafan kepakaran warga PH sebagai Profesor Adjung di Universitas Hasanuddin, Indonesia, serta pelbagai pelantikan professional yang lain seperti ahli Jaringan Saintis Muda Akademi Sains Malaysia (YSN-ASM) dan felo pelawat di universiti luar negara (Bukti 1.4.3 d).

Hasil penambahbaikan (3) TELAH meningkatkan **keterlihatan PH** menerusi penganjuran pelbagai aktiviti BT secara atas talian dan aplikasi teknologi digital seperti program *International Research Network Initiative (IRNI) 2024* dan pembangunan produk *PharmPathFinder* yang bertujuan memperkenalkan kepelbagaian profesion dalam bidang farmasi kepada masyarakat. Produk ini juga telah merangkul Penarafan Perak dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif KIK 2024 Peringkat UiTM (Bukti 1.4.3 e).

Kesimpulan: Pengurusan Kanan PH TELAH membuat pemantauan terhadap hasil perancangan strategik dan menganalisis data pemantauan tersebut. Hasil analisis ini TELAH digunakan bagi tujuan penambahbaikan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan PH dan TELAH **dikongsikan dengan warga PH dan peringkat global**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_K01_KB04_KC03_20251_1.4.3 a.pdf](#)
2. [F0046_K01_KB04_KC03_20252_1.4.3 b.pdf](#)
3. [F0046_K01_KB04_KC03_20253_1.4.3 c.pdf](#)
4. [F0046_K01_KB04_KC03_20254_1.4.3 d.pdf](#)
5. [F0046_K01_KB04_KC03_20255_1.4.3 e.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan PH membudayakan objektif dan inisiatif strategik (PTS) dengan melaksanakan komunikasi dan hebahan yang berkesan. Melalui **Mesyuarat Fakulti** yang dihadiri oleh semua staf akademik, maklumat berkenaan objektif dan inisiatif strategik serta perkembangan BT bukan hanya dapat dipantau bahkan turut dapat disalur dan dihebahkan (Bukti 1.5 a).

Pemakluman program-program BT yang dilaksanakan oleh PH **dihebahkan kepada seluruh warga PH** melalui emel dan pemajuan mesej melalui aplikasi komunikasi sosial agar berjaya meraih penyertaan dan sokongan daripada warga PH. Perkara ini membuktikan komitmen Pengurusan Kanan PH dalam memberi maklum kepada warga PH mengenai hala tuju PH yang selaras dengan aspirasi UiTM. Selain itu kepentingan BT sebagai salah satu elemen objektif kualiti PH turut diwar-warkan secara fizikal melalui poster yang tertera di papan kenyataan di sekitar premis PH. Melalui hebahan ini juga, warga PH dapat didedahkan kepada kepentingan setiap warga dalam memainkan peranan mencapai matlamat Pelan Strategik UiTM 2025 (Bukti 1.5 b).

Di samping itu, pemakluman yang lebih meluas mengenai aktiviti-aktiviti yang dirancang turut dilakukan melalui hebahan di **media sosial dan laman web rasmi PH** yang turut boleh diakses oleh semua dan tidak terhad kepada warga PH sahaja (Bukti 1.5 c). Justeru, melalui penggunaan platform maya ini, maklumbalas pelbagai pihak boleh diterima seterusnya menyediakan peluang agar penambahbaikan berterusan dapat dilakukan.

Pengurusan Kanan PH TELAH membuktikan kecemerlangan dalam pembudayaan objektif strategik dan inisiatif strategik BT dengan pencapaian cemerlang **100% bagi 6 daripada 10 petunjuk prestasi PH 2024** yang melibatkan teras ICAN. Komitmen Pengurusan Kanan PH dalam pembudayaan objektif dan inisiatif strategik BT telah berjaya dimanifestasikan dengan **pencapaian cemerlang PH** dalam merangkul anugerah *Global Prominence Award* bersempena Majlis Kemuncak Bulan Inovasi & Kualiti UiTM 2024 dan Anugerah Kualiti Pengajaran dan Pembelajaran dalam Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU 2024) (Bukti 1.5 d). Amalan dan **pembudayaan BT ke peringkat luar UiTM** juga TELAH dicapai dengan kejayaan PH memperoleh geran penyelidikan sosial untuk melaksanakan projek komuniti yang berimpak tinggi dengan lingkaran empat serangkai. **Keterlihatan PH** dalam jaringan komuniti antarabangsa dicapai melalui pengiktirafan *Profesor Adjung* kepada penyelidik PH dari pusat pengajian tinggi luar negara. Selain itu, pencapaian cemerlang jaringan industri juga dicapai dengan pencapaian seorang pelajar PH memenangi biasiswa *Alpro Prestige Scholarship 2024*. Pembudayaan kecemerlangan ini juga ditonjolkan dengan pencapaian alumni PH sebagai penerima Peringkat Kelima Ahli Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (ASK) atas sumbangan dan jasa yang signifikan kepada masyarakat dan negeri (Bukti 1.5 e).

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang dinyatakan di atas, Pengurusan Kanan PH TELAH membudayakan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bagi BT dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan untuk dijalankan **sehingga ke peringkat luar UiTM.**

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_K01_KB05_20251_1.5 a.pdf](#)
2. [F0046_K01_KB05_20252_1.5 b ed2808.pdf](#)
3. [F0046_K01_KB05_20253_1.5 c ed2808.pdf](#)
4. [F0046_K01_KB05_20254_1.5 d ed2808.pdf](#)
5. [F0046_K01_KB05_20255_1.5 e.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik UiTM 2025 telah dirangka berdasarkan kepada beberapa inisiatif strategik bagi pembangunan pendidikan dan negara. Ianya termasuk Pelan Pendidikan Malaysia 2015-2025, Malaysia MADANI, Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, *National Policy on Industry 4.0*, Matlamat Pembangunan Lestari (*SDGs - Sustainable Development Goals*), Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030. Pelan ini turut berpaksikan kepada tiga (3) teras strategik iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai dan Jaringan *Quadruple Helix*. Kesemuanya ini bermatlamat untuk menjadikan UiTM bertaraf global dalam bidang sains, teknologi, kemanusiaan dan keusahawanan menjelang tahun 2025.

Pendekatan (Approach)

PH TELAH MERANCANG dan MERANGKA **Pelan Perancangan Strategik PH bagi tempoh 2021-2025** diformulasi selaras dengan Pelan Strategik UiTM2025. Untuk ini, Bengkel Pelan Perancangan Strategik Bilangan ke-7 TELAH diadakan pada 5 - 6 Januari 2024 bertempat di *Institute of Leadership and Development (ILD)*, Bandar Enstek, Negeri Sembilan bagi menyediakan **Buku *Strategic Plan 2024-2025 Faculty of Pharmacy***, Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk jangkamasa dua (2) tahun, termasuklah membuat semakan semula pencapaian objektif kualiti fakulti. Buku ini TELAH dikatalog dengan nombor **ISBN 978-629-96995-2-1** oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan TELAH disebarluas kepada semua warga fakulti dan warga UiTM dengan pautan ke laman sesawang fakulti.

Perluasan (Deployment)

Selaras dengan Bidang Tumpuan (BT), PH TELAH mendokong aspirasi universiti dalam mencapai kecemerlangan global secara memperkasa aktiviti-aktiviti jaringan industri, komuniti dan alumni (ICAN) ke arah pencapaian 6 STAR MyRA menjelang 2025. Untuk ini, PH **TELAH MELAKSANAKAN Pelan Tindakan Strategik (SAP)** yang mengandungi **TIGA (3) inisiatif** iaitu **1) *Alumni for Change & Transformation (ACT)*** – berobjektif memperkasa hubungan berterusan dengan alumni melalui pementoran profesional, seminar kerjaya, dan sokongan pembangunan pelajar. **2. *Impactful Partnership Initiative (SynergizeED)*** berobjektif mengukuhkan kerjasama strategik bersama institusi, industri dan komuniti melalui pemindahan ilmu, penyelidikan kolaboratif, dan pemerkasaan inovasi. **3. *Supporting Health in Neighborhoods (SHINE)*** berobjektif menawarkan perkhidmatan kesihatan komuniti secara menyeluruh dengan penglibatan staf akademik, pelajar dan rakan kolaborasi melalui inisiatif kesedaran dan intervensi kesihatan. Bagi mencapai TIGA (3) SAP BT ini, **PH TELAH MELAKSANAKAN** pelbagai aktiviti yang mana setiap aktiviti ini TELAH dipetakan kepada petunjuk prestasi (PI) mengikut ketetapan hala tuju strategik fakulti yang selaras dengan PI utama BTU.

Pembelajaran (Learning)

Pemantauan

Dari aspek **PEMANTAUAN** status pelaksanaan dan pencapaian BT, Pengarah Projek TELAH membuat pembentangan secara berkala kepada ahli Mesyuarat Pengurusan Fakulti pada setiap bulan.

Kenalpasti risiko

Risiko strategik turut dibentangkan untuk tindakan pencegahan. Hasil **ANALISA** dan **PENAMBAHBAIKAN** telah disebarluas oleh PH secara sistematik melalui Buku *Strategic Plan 2024-2025 Faculty of Pharmacy*, Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang telah dimuatnaik di laman sesawang rasmi PH serta dikongsi semasa mesyuarat fakulti dan bengkel pelan strategi.

Penambahbaikan

HASIL ANALISA data pelaporan TELAH digunakan untuk **PENAMBAHBAIKAN** melalui perbincangan di mesyuarat Fakulti.

Integrasi (*Integration*)

PH juga **TELAH MEMBUDAYAKAN** BT bukan sahaja di fakulti malahan merentasi peringkat global. PH telah mengungguli pelbagai anugerah di peringkat UiTM (AKPU 2024), dan di peringkat antarabangsa. Nama PH UiTM TELAH berjaya dilonjakkan di persada dunia melalui penganugerahan Top 300 di dalam *QS World University Rankings by Subject 2024: Pharmacy & Pharmacology*. Warga PH juga merangkul pelbagai pengiktirafan antarabangsa hasil daripada BT.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelaksanaan perancangan strategi PH adalah di bawah tanggungjawab Penyelaras Strategik & Transformasi Universiti (PSTU) yang dilantik oleh Naib Canselor. PSTU telah melaksanakan pendekatan perancangan melalui **Bengkel Pelan Strategik Fakulti Farmasi Bil. 7** pada Januari 2024. Bengkel ini bertujuan melaporkan pencapaian BT tahun 2023 serta **menambah baik inisiatif dan strategi** bagi mencapai objektif strategik UiTM. Melalui bengkel ini, perancangan strategik jangka panjang PH (5 tahun) yang telah diformulasi dan didokumen dalam Buku Pensejajaran Strategik Lima Tahun (2021–2025) (Bil.6) disemak semula dan diterbitkan dalam buku Strategic Plan 2024–2025 (ISBN 978-629-96995-2-1) (Bukti 2.2 a – Semakan pelan strategi).

Selaras dengan hala tuju UiTM menuju status *Globally Renowned University* (GRU 2025), PH telah merangka dan melaksanakan pendekatan strategik **menyeluruh dan sistematik** bagi memperkasakan BT. Objektif utama pendekatan ini adalah untuk melonjakkan impak PH dalam membudayakan keterlibatan alumni, memantapkan jaringan komuniti, dan memperluas inisiatif kesukarelawanan berimpak tinggi yang menyumbang secara langsung kepada indikator utama Pejabat Transformasi Universiti (TRU) UiTM.

Bagi merealisasikan strategi berkaitan BT, PH melaksanakan pendekatan sistematik yang menekankan inovasi dan perkongsian pengetahuan melalui pelaksanaan **TIGA (3) Strategic Action Plan (SAP)**. Setiap projek diketuai oleh Pengurus Projek bersama beberapa ahli pasukan, dan dipetakan kepada PI fakulti yang selaras dengan PI utama BTU (Bukti 2.2 b – Ceraian senarai SAP dari sistem UiSMS). Tiga SAP tersebut ialah:

1. Alumni for Change & Transformation (ACT) - Memperkasa hubungan berterusan dengan alumni melalui pementoran profesional, seminar kerjaya, dan sokongan pembangunan pelajar. Inisiatif ini turut merangkumi:

- Penyertaan alumni dalam platform seperti *PRESCRIPTION Magazine*, *Alumni Odyssey* dan *Pharmacy Chronicles*, bagi berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam pelbagai bidang.
- Penglibatan alumni sebagai juri pertandingan *pitching* keusahawanan pelajar, sekali gus menyumbang kepada pemupukan bakat dan daya saing graduan.
- Program advokasi komuniti seperti *Safe & Quality Use of Medicines*, di mana alumni dan rakan industri bekerjasama dengan pelajar dalam mempromosi kesedaran ubat selamat kepada pelbagai lapisan Masyarakat.

(Bukti 2.2 c – Gambar-gambar aktiviti inisiatif ACT)

2. Impactful Partnership Initiative (SynergizeED) - Mengukuhkan kerjasama strategik bersama institusi, industri dan komuniti melalui pemindahan ilmu, penyelidikan kolaboratif, dan pemerkasaan inovasi. Inisiatif ini meliputi:

- Jalinan aktif bersama pemain industri utama seperti Pfizer Malaysia, TikTok Malaysia, Mediconstant Holding Sdn Bhd, Errita Pharma dan Novo Nordisk Malaysia.
- Penganjuran forum industri seperti CEO Insights yang melibatkan pengurusan kanan industri dalam sesi perkongsian kerjaya dan aspirasi kepimpinan
- Program *Pharmily Enrichment* dan *Pharmapitch* yang menekankan kebolehpasaran pelajar serta inovasi dalam bidang farmasi.

(Bukti 2.2 d – Gambar-gambar aktiviti inisiatif SynergizeED)

3. Supporting Health in Neighborhoods (SHINE) - Menawarkan perkhidmatan kesihatan komuniti secara menyeluruh dengan penglibatan staf akademik, pelajar dan rakan kolaborasi melalui inisiatif kesedaran dan intervensi kesihatan. Aktiviti utama termasuk:

- Program PharmaCare (SULAM), MediFun dan STEM Pharmacy, melibatkan penduduk setempat serta pelajar sekolah rendah dan menengah di kawasan Puncak Alam dan Sabak Bernam.
- Kempen Ecopharma@UCS tentang pelupusan ubat secara selamat dan PharmaBridge bagi kesedaran penyakit seperti COPD di peringkat antarabangsa.
- Program seperti Elderly Medication and Safety @ Eristana, yang menggunakan pendekatan STEADI-Rx untuk mendidik warga emas tentang risiko jatuh dan keselamatan ubat.

(Bukti 2.2 e – Gambar-gambar aktiviti inisiatif SHINE)

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_P01_PB02_20251_Bukti 2.2 a.pdf](#)
2. [F0046_P01_PB02_20252_Bukti 2.2b.pdf](#)
3. [F0046_P01_PB02_20253_2.2c Gambar-gambar aktiviti inisiatif ACT.pdf](#)
4. [F0046_P01_PB02_20254_2.2d Aktiviti SynergizED.pdf](#)
5. [F0046_P01_PB02_20255_Bukti 2.2 e Aktiviti inisiatif SHINE.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Formulasi objektif dan inisiatif strategik PH yang selari dengan BT **TELAH DILAKSANAKAN** sejajar dengan aspirasi, hala tuju dan garis panduan di peringkat kebangsaan, kementerian serta universiti. Antara garis panduan di peringkat kebangsaan, kementerian, kerajaan negeri yang digunakan adalah Pelan Pendidikan Malaysia 2015-2025, Malaysia MADANI, Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030, *National Policy on Industry 4.0*, Matlamat Pembangunan Lestari (*SDGs - Sustainable Development Goals*) dan Dasar Sains, *Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030 (Malaysian Science, Technology, Innovation and Economy (MySTIE-10 on 10))*. Manakala di peringkat fakulti khususnya, **PH TELAH MELAKSANAKAN** Pelan Perancangan Strategik PH yang sejajar dengan Pelan Strategik UiTM2025. Kesemua garis panduan di atas adalah merupakan nukleus kepada PELAKSANAAN Pelan Strategik PH Bil 6. Dan Bil 7. yang **TELAH DIKEMASKINI** dengan Pelan Strategik terkini iaitu *Strategic Plan 2024 – 2025 Faculty of Pharmacy*, UiTM (Bukti 2.3 a).

PH TELAH MENYEBARLUAS PELAKSANAAN objektif dan inisiatif strategik (PENDEKATAN) BT kepada warga PH secara sistematik melalui beberapa siri Mesyuarat Pengurusan (Bukti 2.3 b), Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (Bukti 2.3 c), Amanat Dekan (Bukti 2.3 d) dan pemakluman pencapaian Pensejajaran Perancangan Strategik PH di laman web rasmi PH dari semasa ke semasa. Sebagai langkah proaktif, pemakluman pelaksanaan dan pencapaian objektif dan inisiatif strategik ini turut disebar luas **di peringkat keseluruhan sistem UiTM** dengan memuatnaik hebahan aktiviti BT melalui emel kepada seluruh warga UiTM (Bukti 2.3 e (i)) dan di media sosial seperti laman Facebook Rasmi PH (Bukti 2.3 e (ii)), UiTM Newshub, Prescription e-Newsletter dan TVS (Bukti 2.3 e (iii)). Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik PH TELAH dibuat sejajar dengan aspirasi universiti dan negara, yang mana ianya TELAH berada pada tahap pelaksanaan yang meluas kepada **keseluruhan sistem UiTM**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_P01_PB03_20251_Bukti 2.3 a.pdf](#)
2. [F0046_P01_PB03_20252_Bukti 2.3 b.pdf](#)
3. [F0046_P01_PB03_20253_Bukti 2.3 c.pdf](#)
4. [F0046_P01_PB03_20254_2.3d Perluasan BT Melalui Majlis Amanat Dekan.pdf](#)
5. [F0046_P01_PB03_20255_Bukti 2.3 e.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Semakan semula perancangan strategik semasa Bengkel Pelan Strategik Bil. 7 (2021-2025) TELAH menghasilkan TIGA (3) SAP beserta objektif bagi mencapai 10 PI di bawah seliaan Timbalan Dekan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (TD ICAN) (Bukti 2.4.1 a). PH TELAH menjalankan PEMANTAUAN terhadap pelaksanaan inisiatif utama tersebut dan perluasan SAP dengan menggunakan mekanisma berikut:

Mekanisma 1 – PEMANTAUAN pencapaian & keberkesanan program inisiatif utama berdasarkan pelaporan pencapaian yang melibatkan 10 PI di bawah peneraju TD ICAN melalui sistem UiSMS, UePMO dan *Dashboard Power BI*. Pengumpulan data pencapaian setiap 10 PI yang TELAH disahkan oleh pemegang PI bidang tumpuan dan seterusnya dilapor kepada setiap PTJ oleh BTU (2.4.1 b). Data pencapaian ini TELAH digunakan dalam perbincangan bagi mencapai keputusan kolektif dan penambahbaikkan bagi setiap risiko dan permasalahan yang timbul. Ini dilakukan bagi memastikan hasil inisiatif yang TELAH dirangka mencapai sasaran selaras dengan aspirasi dan teras strategik universiti.

Mekanisma 2 - Pemantauan berkala pencapaian inisiatif utama dan objektif strategik dilakukan oleh TD ICAN dan PSTU PH, dibincangkan dan diambil tindakan melalui Mesyuarat Pengurusan PH dan Mesyuarat *Executive Council* (Bukti 2.4.1 c) yang dihadiri oleh Pengurusan Kanan PH.

Mekanisma 3 – Inisiatif utama yang TELAH dijalankan telah DIPERLUASKAN maklumat kepada semua pensyarah melalui ketua jabatan dan TD ICAN melalui pelaksanaan bengkel strategik, mesyuarat di peringkat fakulti dan jabatan, serta komunikasi secara atas talian seperti emel rasmi UiTM (Bukti 2.4.1 d) bagi memastikan PEMANTAUAN gerak kerja secara dasar dilaksanakan dan disumbangkan oleh semua pensyarah.

Mekanisma 4 - PEMANTAUAN berdasarkan hasil dapatan audit. Hasil pemantauan telah dianalisa dan **PENAMBAHBAIKAN** telah dilakukan terhadap hasil dapatan audit. Sehubungan itu, berdasarkan laporan audit pada 2024, tiada sebarang penemuan ketidakpatuhan yang dilaporkan berhubung BT dalam Audit Dalam dan Audit Penilaian Luar 2024 (Bukti 2.4.1 e).

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, PH TELAH **melaksanakan pelan pemantauan terhadap objektif dan inisiatif strategik. Hasil pemantauan dianalisa dan penambahbaikkan dilakukan** melibatkan semua kumpulan sasar.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_P01_PB04_PC01_20251_Bukti 2.4.1a.pdf](#)
2. [F0046_P01_PB04_PC01_20252_Bukti 2.4.1 b- Mekanisma 1 Pemantauan dan Penganalisan data data BTU_2024.pdf](#)
3. [F0046_P01_PB04_PC01_20253_Bukti 2.4.1c Pemantauan berkala pencapaian inisiatif utama.pdf](#)
4. [F0046_P01_PB04_PC01_20254_Bukti 2.4.1d Perluasan maklumat kepada warga PH.pdf](#)
5. [F0046_P01_PB04_PC01_20255_Bukti 2.4.1 e.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

PH menggunakan panduan pengurusan risiko bagi mengenal pasti faktor dan punca risiko serta menetapkan tindakan pencegahan yang boleh mempengaruhi pencapaian sasaran. Tiga (3) SAP BT telah dikenalpasti melalui analisis SWOT (2.4.2 a) semasa Bengkel Pelan Strategik Bil. 7 (2021–2025). Risiko-risiko ini dikenalpasti oleh setiap PD di dalam Bengkel Perancangan Strategik PH (Bukti 2.4.2 b) dan didaftarkan di dalam sistem UiSMS oleh setiap PD. Projek dan risiko yang dikenalpasti adalah seperti berikut:

a) Projek FARMASI2024_09 Alumni for Change & Transformation (ACT):

Risiko yang didaftarkan adalah **R00902 (Low Number of Strategic Partnership with Prominent Partners)**. Risiko; sangat tinggi (*extreme*), *magnitude of impact*; tinggi dan pelan mitigasi; pemindahan risiko (*Transference*).

b) Projek FARMASI2024_10 Supporting Health in Neighborhoods (SHINE)

Risiko yang didaftarkan adalah **R00302 (Failure to produce graduates that meet employer's expectation)**. Risiko; tinggi (*high*), *magnitude of impact*; sederhana dan pelan mitigasi; pengurangan kawalan (*Reduction of Control*).

c) Projek FARMASI2024_11 Impactful Partnership Initiative (SynergizeED)

Risiko yang didaftarkan adalah **R00101 (Failure to secure sufficient endowment/wakaf funds/sponsorships/donation)**. Risiko; tinggi (*high*), *magnitude of impact*; sederhana dan pelan mitigasi; pengurangan kawalan (*Reduction of Control*).

(Bukti 2.4.2 c).

Ketiga-tiga SAP BT mempunyai kategori risiko utama yang boleh menyebabkan aktiviti ICAN tergendala, dan seterusnya meningkatkan kekangan dalam pencapaian BT. Keadaan ini secara tidak langsung menyumbang kepada risiko utama seperti **(1) kekurangan dana** bagi menjalankan aktiviti-aktiviti BT dan **(2) kekurangan bilangan jaringan industri dengan organisasi ternama** dan **(3) kekurangan projek berimpak tinggi**.

Bagi faktor risiko pertama (1), PH TELAH mengambil **LANGKAH PENAMBAHBAIKAN** dengan menganjurkan perbincangan bagi mendapatkan **geran komuniti** seperti DANA Inovasi Social Malaysia. (Bukti 2.4.2 d)

Bagi faktor risiko kedua (2), Pengurusan Kanan PH TELAH mengambil **INISIATIF PENAMBAHBAIKAN** dengan mengadakan **perbincangan dua hala** bersama organisasi ternama untuk merancang aktiviti jangka panjang. (Bukti 2.4.2 e (i))

Bagi faktor risiko ketiga (3), Pengurusan Kanan PH TELAH mengambil **INISIATIF PENAMBAHBAIKAN** dengan menganjurkan **townhall** bagi menyokong perancangan projek komuniti berimpak tinggi. (Bukti 2.4.2 e (ii))

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, **Daftar Risiko telah didaftar, dinilai dan dianalisa. Tindakan pencegahan dan penambahbaikan telah diambil** oleh Pengurusan Kanan PH bersama Unit Pengurusan Risiko PH bagi meningkatkan dan menambah baik pengurusan risiko di PH.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_P01_PB04_PC02_20251_Bukti_2.4.2_a_Analisa_SWOT_.pdf](#)
2. [F0046_P01_PB04_PC02_20252_Bukti_2.4.2b_Risiko_dikenalpasti_oleh_PD_dalam_bengkel_strategik.pdf](#)
3. [F0046_P01_PB04_PC02_20253_2.4.2c_Risiko_didaftarkan_di_dalam_UISMS.pdf](#)

4. [F0046_P01_PB04_PC02_20254_Bukti 2.4.2 d Perbincangan untuk mendapatkan geran komuniti seperti DANA Inovasi Social Malaysia.pdf](#)
5. [F0046_P01_PB04_PC02_20255_Bukti 2.4.2 e\(i-ii\).pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pemantauan dan penganalisan setiap objektif dan inisiatif strategik BT TELAH dijalankan secara konsisten dan **DIBINCANGKAN** di dalam setiap Mesyuarat Pengurusan PH, Me Perbincangan Petunjuk Prestasi PH dan Majlis Amanat Dekan 2024. Mesyuarat tersebut **TELAH MENGAJAI SEMULA** faktor-faktor kelemahan dan risiko yang dihadapi dalam pel inisiatif strategik tersebut (Bukti 2.4.3 a). Perbincangan cadangan **PENAMBAHBAIKAN** telah dijalankan, diputuskan dan diambil sebagai tindakan susulan oleh pensyarah PH sela sasaran, bagi menyokong pencapaian objektif serta inisiatif strategik BT. Pencapaian inisiatif BT termasuk data peratusan pencapaian petunjuk prestasi BT bagi tahun terdahulu (2 dianalisis, **disemak semula dan ditambah baik** semasa Bengkel PS (2021-2025) (BUKTI 2.4.3 b).

PSTU PH TELAH membuat kompilasi pengisian mesyuarat dan bengkel secara sistematik ke dalam Buku Pensejajaran Perancangan Strategik PH Bil.5 dan Bil.6, serta mengemas kandungannya di dalam buku pelan strategik terbaru yang merangkumi pelan strategik sehingga tahun 2025. Buku tersebut bertajuk *Strategic Plan 2024-2025 Faculty of Pharmacy* telah dikatalogkan dengan nombor ISBN 978-629-96995-2-1 (BUKTI 2.4.3 b). PSTU PH kemudiannya TELAH membuat hebahan untuk **berkongsi dan menyebarkan** laporan pe prestasi inisiatif utama (termasuk 3 inisiatif BT) di laman sesawang rasmi PH (BUKTI 2.4.3 c) serta Buku Pensejajaran Perancangan Strategik dengan warga PH melalui emel (Buk Laporan dan buku tersebut juga TELAH dimuatnaik di laman sesawang rasmi PH untuk rujukan warga PH, UiTM dan pelayar laman sesawang PH.

Hasil laporan prestasi bulanan Bidang Tumpuan PH oleh pihak BTU, boleh dirujuk melalui laman sesawang berikut:

1. [https://app.powerbi.com/groups/c097d9cb-8a56-4171-a0dc-cad9b9014ae1/reports/c2a7de51-4d6f-4d68-8d01-5ff32e0a3b35/ReportSection02cdc08098546928909?experience=p2.4.3.d\(i\)](https://app.powerbi.com/groups/c097d9cb-8a56-4171-a0dc-cad9b9014ae1/reports/c2a7de51-4d6f-4d68-8d01-5ff32e0a3b35/ReportSection02cdc08098546928909?experience=p2.4.3.d(i)).
2. <https://proms.uitm.edu.my/uitm2025/SitePages/UITM2025%20Strategic%20Plan%20Landing%20Page.aspx> (Bukti 2.4.3 d (ii))

Manakala strategi, objektif dan kemajuan berkala SAP dilaporkan dan dikemaskini di dalam laman sesawang berikut:- <https://uisms.uitm.edu.my> (Bukti 2.4.3 e). Sehubungan itu, PI memantau status kemajuan SAP dengan lebih berkesan.

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, PH TELAH membuat pemantauan terhadap hasil pelaksanaan dan status pencapaian inisiatif-inisiatif strate penganalisan **diambil tindakan dengan efisien dan efektif**. Data dan maklumat yang diperolehi dari hasil pemantauan TELAH dianalisa, dikaji semula, ditambahbaik dan **dikc kepada warga jabatan** dan pemegang taruh (2.4.3 c-e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_P01_PB04_PC03_20251_Bukti_2.4.3a_Kajian faktor-faktor kelemahan dan risiko.pdf](#)
2. [F0046_P01_PB04_PC03_20252_Bukti_2.4.3b.pdf](#)
3. [F0046_P01_PB04_PC03_20253_Bukti_2.4.3c.pdf](#)
4. [F0046_P01_PB04_PC03_20254_Bukti_2.4.3d.pdf](#)
5. [F0046_P01_PB04_PC03_20255_Bukti_2.4.3_e-Laporan Bulanan PI.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hala tuju UiTM dan PH sentiasa dipastikan sejajar dengan teras, strategi dan inisiatif universiti melalui komunikasi yang tersusun dan menyeluruh. Pemakluman ini dilaksanakan dalam Mesyuarat Fakulti bersama seluruh warga PH, Mesyuarat Pengurusan bulanan serta Mesyuarat Perbincangan Petunjuk Prestasi (suku tahunan) bersama kepimpinan kanan PH. Objektif komunikasi adalah untuk menjelaskan peranan serta komitmen setiap warga PH dalam usaha mencapai matlamat UiTM melalui inisiatif yang terkandung dalam Pelan Strategik UiTM (Bukti 2.2a). Pencapaian strategik BT pula dimaklumkan secara berkala, iaitu bulanan dalam Mesyuarat Fakulti dan secara suku tahunan dalam Mesyuarat Perbincangan Petunjuk Prestasi.

PH telah berjaya **mewujudkan dan menggalakkan AMALAN dan PEMBUDAYAAN** aspirasi BT berteraskan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan melalui pelaksanaan pelbagai projek berimpak tinggi. Program-program tersebut telah mencapai 100% sasaran seperti ditetapkan BTU, sekaligus membolehkan PH menerima beberapa anugerah kecemerlangan BT pada 2024 (Bukti 2.5a).

Hasil pelaksanaan inisiatif strategik melalui **PEMBUDAYAAN BT** ini turut melonjakkan kedudukan UiTM di peringkat global. Ini terbukti dengan penganugerahan *QS World University Rankings by Subject (Pharmacy & Pharmacology)* – kedudukan Top 301–350 (2022, 2023) dan peningkatan kepada Top 300 pada tahun 2024 (Bukti 2.5b).

PH turut **MEMBUDAYAKAN BT** dalam kalangan kakitangan melalui Majlis Sanggar Sanjung 2024 yang meraikan sumbangan bakti mereka dalam Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan. Inisiatif ini seiring aspirasi UiTM untuk menjadi *Globally Renowned, Locally Rooted University* menjelang 2025 (Bukti 2.5c).

Pelaksanaan inisiatif strategik BT telah menerima pengiktirafan luas di peringkat kebangsaan dan universiti. PH memenangi Anugerah Penglibatan CEO@Faculty Programme (2024 & 2025) serta Anugerah Kadar Respons Terbaik SKPG 2024 (tempat pertama) semasa METIC 13 ICAN. Pada peringkat UiTM, PH turut meraih pelbagai anugerah kecemerlangan melalui AKPU 2024 (Bukti 2.5a). Pencapaian ini menjadi bukti bahawa amalan strategik BT berjaya membentuk budaya kerja yang konsisten, inovatif dan berdaya saing.

Menyahut aspirasi *Globally Marketable UiTM*, PH melaksanakan pelbagai program **INOVASI** kolaboratif seperti *World Pharmacist Day*, *EcoPharma@UCS* dan *Know Your Medicine*. Melalui kerjasama strategik bersama industri dan kementerian, PH turut diiktiraf sebagai rakan Inisiatif MyMediSAFE (Bukti 2.5d). Selain itu, PH mempergiat aktiviti **INOVASI** komuniti melalui Kedai Farmasi ADAS APOTHECARY yang menggabungkan pensyarah dan pelajar dalam amalan farmasi komuniti dan keusahawanan. Inisiatif ini memberi peluang mereka bertindak sebagai kaunselor ubat serta melaksanakan aktiviti kesedaran kesihatan kepada masyarakat setempat. Kedai Farmasi ini menjadi contoh terbaik sinergi antara pendidikan akademik dan keperluan komuniti (Bukti 2.5e).

Seterusnya, **PH TELAH MENYEBARLUASKAN** keseluruhan PI serta BT melalui laman sesawang rasmi PH (<https://pharmacy.uitm.edu.my>), Facebook PH (<https://www.facebook.com/pharmacyUiTM>) dan media sosial lain sebagai saluran penyampaian maklumat mengenai sasaran pencapaian terkini, program serta tindakan strategik di peringkat UiTM dan luar UiTM.

Segala inisiatif dan pencapaian PH pada tahun 2023 telah dibukukan dalam *Buku Pelan Strategik 2024–2025* untuk dijadikan rujukan warga fakulti. Dokumen ini turut didaftarkan di Perpustakaan Negara Malaysia sebagai dokumentasi rasmi dan pengiktirafan akademik.

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang dinyatakan, **amalan dan pembudayaan strategik BT di peringkat luar UiTM** telah memperkukuh kedudukan PH serta memacu UiTM ke arah merealisasikan aspirasi sebagai *Global Renowned, Locally Rooted University* menjelang 2025. Pencapaian dalam bidang Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan telah menjadi kekuatan utama yang terus memartabatkan UiTM di peringkat antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_P01_PB05_20251_Bukti 2.5 a - Integrasi Pembudayaan terhadap Pencapaian BT.pdf](#)
2. [F0046_P01_PB05_20252_Bukti 2.5 b - Integrasi Pembudayaan menghasilkan TOP 251-300 QS Ranking by Subjects.pdf](#)
3. [F0046_P01_PB05_20253_Bukti 2.5 c - Integrasi Pembudayaan dengan Penganjuran Majlis Anugerah.pdf](#)
4. [F0046_P01_PB05_20254_Bukti 2.5 d - Rakan Inisiatif MyMediSAFE.pdf](#)
5. [F0046_P01_PB05_20255_Bukti 2.5 e - Aktiviti-aktiviti INOVASI komuniti melalui Kedai Farmasi ADAS APOTHECARY.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi melaksanakan BT, PH TELAH membuat **PERANCANGAN** yang SISTEMATIK bagi mengenalpasti siapakah kumpulan sasaran (atau Pelanggan BT). Menurut Manual Kualiti PH, pelanggan dikategorikan sebagai pelanggan Misi, Pelanggan Proses, Pelanggan Dalam dan Luar. Dari empat kategori ini, majoriti kumpulan sasaran BT adalah dari kalangan Pelanggan luar yang terdiri daripada universiti, alumni, industri, agensi kerajaan dan komuniti yang meliputi Jaringan *Quadruple Helix*.

PERANCANGAN program-program bagi kumpulan sasaran TELAH dibuat secara SISTEMATIK iaitu ianya adalah selari dengan aspirasi UiTM untuk menjadi Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025 dan aspirasi negara, antaranya untuk mencapai objektif Malaysia MADANI, *Malaysia Higher Education Blueprint 2015-2025*, *National Policy on Industry 4.0*, *Sustainable Development Goals – SDGs* dan *Malaysian Science, Technology, Innovation and Economy Framework (MySTIE-10 on 10)*. Justeru, PH telah mengadakan Bengkel Perancangan Strategik pada 5-6 Januari 2024 bagi memformulasi inisiatif-inisiatif strategik BT dan mengenalpasti kumpulan sasaran yang terlibat untuk menyokong inisiatif-inisiatif yang telah dirancang. Inisiatif strategik *Alumni for Change & Transformation (ACT)* telah melibatkan majoriti kumpulan sasaran alumni, manakala *Impactful Partnership Initiative (SynergizeED)* telah melibatkan majoriti industri-industri dan *Supporting Health in Neighborhoods (SHINE)* telah melibatkan majoriti kumpulan sasaran komuniti setempat.

PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan aktiviti yang bertumpukan pelanggan BT TELAH dilaksanakan secara meluas melangkaui peringkat UiTM sehingga antarabangsa. Setiap program yang menyokong BT telah melibatkan jaringan alumni (jemputan penceramah) komuniti (program kesedaran kesihatan) dan sukarelawan (pemeriksaan kesihatan, konsultasi ubat) yang telah mewujudkan ekosistem yang harmoni bersama pelanggan BT.

PEMBELAJARAN (LEARNING)

Pemantauan

Mekanisma **PEMANTAUAN (CHECK)** keberkesanan pelaksanaan program-program BT TELAH melihat kepada ukuran dan ANALISA data serta PENAMBAHBAIKAN yang dikenalpasti melalui laporan berkala pencapaian inisiatif strategik oleh PSTU, laporan Audit Dalam terhadap pencapaian objektif kualiti BT oleh KSA dan Laporan program/aktiviti staf PH. **PEMANTAUAN** berkesan, PH telah memberi impak positif kepada pelanggan BT dengan perolehan pelbagai kebaikan dan ganjaran termasuk perolehan dana, geran dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Kenalpasti Risiko

Dalam melaksanakan inisiatif tumpuan kepada pelanggan, ICAN PH telah mengenal pasti risiko yang berpotensi menjejaskan keberkesanan perkhidmatan kepada pelanggan. Semua risiko direkodkan dalam Daftar Risiko yang merangkumi kategori, punca, impak dan kaedah kawalan. Setiap risiko dinilai serta dianalisis, manakala tindakan pencegahan dan penambahbaikan dilaksanakan bagi meminimumkan kesan terhadap pencapaian objektif serta memastikan kualiti perkhidmatan sentiasa terjamin.

Penambahbaikan

Bahagian Pengurusan PH melalui ICAN PH memberi keutamaan kepada maklum balas

pelanggan sebagai asas penambahbaikan berterusan. Data dikumpul melalui kajian kepuasan, borang maklum balas, mesyuarat, emel, aplikasi WhatsApp dan aduan rasmi. Setiap maklum balas direkod, dianalisis dan ditindak secara sistematik melalui *helpdesk* atau Jawatankuasa Kualiti Fakulti. **PENAMBAHBAIKAN** dilaksana melalui peningkatan proses kerja, latihan staf, pendigitalan perkhidmatan dan pemantauan berterusan. Usaha ini meningkatkan kepuasan pelanggan, dibuktikan dengan peningkatan indeks kegembiraan daripada 71% (2023) kepada 73% (2024).

INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembangunan dan aplikasi pelbagai INOVASI TELAH menjadi BUDAYA semasa melaksanakan program-program BT yang mana ini telah memastikan kelestarian penganjuran pelbagai program-program BT, antaranya Ecopharma dan Jom Sains Farmasi yang telah mampu menarik penglibatan lebih ramai kumpulan sasaran BT bukan sahaja diperingkat PH, malahan di peringkat luar UiTM.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PH melalui bahagian ICAN TELAH membuat **PERANCANGAN** yang SISTEMATIK bagi mengenal pasti siapakah kumpulan sasaran BT. Menurut Manual Kualiti PH, pelanggan PH adalah terdiri daripada Pelanggan Misi, Pelanggan Proses, Pelanggan Dalaman dan Pelanggan Luar (Bukti 3.2 a-1). Dari keseluruhan pelanggan PH ini, kumpulan sasaran BT yang utama adalah universiti, alumni, industri, agensi kerajaan dan komuniti (Bukti 3.2 a-2).

PH telah membuat **PERANCANGAN** yang SISTEMATIK semasa menetapkan program-program dan kumpulan sasaran BT agar ianya selari dengan garis panduan diperingkat universiti dan aspirasi negara (Bukti 3.2 b-1).

Kumpulan sasaran bagi setiap inisiatif strategik BT telah diperincikan di Bengkel Perancangan Strategik Fakulti bertarikh 5 - 6 Januari 2024 di ILD, Bandar Enstek, Negeri Sembilan dan direkodkan di dalam Buku Perancangan Strategik 2024-2025 (Bukti 3.2 b-2).

PH telah merancang TIGA (3) inisiatif strategik BT (Bukti 3.2 b-3).

1. *Alumni for Change & Transformation* (ACT):

ACT berobjektif untuk meningkatkan PENGLIBATAN alumni dalam aktiviti akademik dan bukan akademik. Justeru kumpulan sasaran untuk menjayakan ACT adalah alumni PH (Bukti 3.2 b-3).

2. *Impactful Partnership Initiative* (SynergizeED)

SynergizeED berobjektif untuk MEMPERKASA kolaborasi UiTM dan industri luar. Justeru, kumpulan sasaran adalah pelbagai industri diperingkat antarabangsa dan tempatan (Bukti 3.2 b-3).

3. *Supporting Health in Neighbourhoods* (SHINE)

SHINE berobjektif memperluas perkhidmatan kesihatan dan perkongsian INOVASI penyelidikan kepada komuniti setempat. Justeru, kumpulan sasaran adalah komuniti setempat (Bukti 3.2 b-3).

PERANCANGAN kumpulan sasaran bagi program BT tahun 2024 TELAH mengambil kira **PENILAIAN** terhadap analisis SWOT program ICAN PH dan **PENILAIAN** pencapaian PI strategik yang berkaitan dengan BT pada tahun sebelumnya (2023). Melalui **PENILAIAN** analisis SWOT, PH telah mengenalpasti kekuatan fakulti yang mempunyai akses baik kepada alumni selain mempunyai hubungan baik dengan agensi kerajaan, NGOs dan industri tempatan (Bukti 3.2 c-1). Melalui penilaian analisis pencapaian PI 2023, PH telah mengenalpasti ruang untuk **PENAMBAHBAIKAN** peratus pencapaian PI077 dan PI079 yang berkait dengan BT (Bukti 3.2 c-2). Berdasarkan perkara diatas, bagi **MENAMBAHBAIK** pencapaian PI dan kualiti penawaran kepakaran perkhidmatan, PH telah merancang untuk lebih MEMPERKASA PENGLIBATAN kumpulan sasaran agensi kerajaan, NGOs, industri tempatan dan komuniti dalam program-program BT 2024 (Bukti 3.2 c-3).

PERANCANGAN untuk kumpulan sasaran bagi program BT TELAH mengambil kira elemen **INOVASI**. Ini termasuk aplikasi inovasi digital *Prescription e-Newsletter* yang telah menjadi platform untuk melebarkan capaian perkongsian pengetahuan, hebahan informasi aktiviti-aktiviti dan pencapaian BT kepada kumpulan sasaran BT termasuk alumni, industri dan komuniti (Bukti 3.2 d-1). Selain itu, pembangunan produk-produk **INOVASI** yang kreatif dan selamat berasaskan bahan semulajadi seperti *EcoSmartPlaydough* (Bukti 3.2 d-2) telah menyemarakkan minat komuniti dan murid-murid sekolah terhadap program BT anjuran PH. **INOVASI** yang diketengahkan dalam program BT telah menjadi pemangkin terhadap *knowledge transfer* yang dapat dimanfaatkan oleh komuniti. Ini telah menyumbang kepada kecemerlangan pencapaian BT (Bukti 3.2 e-1). Menyedari kepentingan **INOVASI**, lebih banyak produk telah dibangunkan oleh staf PH (Bukti 3.2 e-2).

Kesimpulan: Berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, PH TELAH mengenalpasti kumpulan sasaran/pelanggan BT. Perancangan terhadap pelanggan BT telah dibuat secara SISTEMATIK berpandukan kepada garis panduan diperingkat universiti dan negara yang mengambilkira elemen **PENILAIAN, PENAMBAHBAIKAN DAN INOVASI**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_T01_TB02_20251_PH_3.2a_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
2. [F0046_T01_TB02_20252_PH_3.2b1_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
3. [F0046_T01_TB02_20253_PH_3.2c1_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
4. [F0046_T01_TB02_20254_PH_3.2d1_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
5. [F0046_T01_TB02_20255_PH_3.2e_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PERANCANGAN PERLUASAN bagi pelanggan BT dilaksanakan secara **sistematik** berlandaskan garis panduan di peringkat universiti dan kebangsaan, dengan penekanan terhadap elemen **PENILAIAN, PENAMBAHBAIKAN** berterusan serta **INOVASI**. Data-data pelanggan **TELAH dikumpul, disimpan dan dikenali** melalui laporan-laporan maklumbalas program termasuk maklumat daripada analisis borang kaji selidik, minit-minit mesyuarat, kertas cadangan program dan laporan latihan kakitangan. Data pelanggan dikumpul secara sistematik melalui pelbagai aspek iaitu melalui laporan-laporan maklumbalas program termasuk maklumat daripada analisis borang kaji selidik, borang pendaftaran atas talian Google, minit-minit mesyuarat, kertas cadangan program dan laporan inisiatif strategik yang telah dijalankan (Bukti 3.3 a-1, Bukti 3.3 a-2).

PERLAKSANAAN program-program/projek BT TELAH dijalankan sehingga ke peringkat luar UiTM melibatkan kumpulan sasaran (pelanggan BT) yang berfokus kepada tiga (3) inisiatif strategik yang dirancang dalam memastikan hubungan dengan pelanggan serta pemegang taruh dapat diperkukuh secara menyeluruh. Pelaksanaan inisiatif ini diselaraskan dengan strategi universiti serta mengambil kira keperluan dan maklum balas daripada alumni, industri, dan komuniti setempat.

Alumni for Change & Transformation (ACT)

Inisiatif ACT dilaksanakan bagi meningkatkan penglibatan alumni dalam pelbagai aktiviti akademik dan bukan akademik. Antara aktiviti pendekatan perluasan yang telah dijalankan ialah:

- Mewujudkan platform rasmi alumni untuk perkongsian pengalaman dan kepakaran melalui seminar, siri *alumni talk*, dan program mentor-mentee bersama pelajar (Bukti 3.3-b1).
- Menggalakkan alumni menyumbang dalam bentuk modul, penceramah jemputan, serta jaringan kerjaya (Bukti 3.3-b2).
- Menganjurkan aktiviti berbentuk sukarelawan dan CSR bagi mengukuhkan hubungan alumni dengan universiti (Bukti 3.3-b3).
- Hasilnya, lebih ramai alumni kembali terlibat dalam aktiviti fakulti, sekaligus memberi nilai tambah kepada pengalaman pembelajaran pelajar (Bukti 3.3-b4).

Impactful Partnership Initiative (SynergizeED)

SynergizeED memberi **penekanan kepada perluasan** kolaborasi antara UiTM dan industri luar selaku pelanggan luar strategik, sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Pelaksanaan telah dijalankan dengan cara:

- Menjalin MoU dan MoA baharu dengan organisasi berimpak tinggi (Bukti 3.3-c1).
- Mengatur latihan industri, lawatan teknikal, serta projek yang menggalakkan sumbangan dari industri (Bukti 3.3-c2).
- Mengintegrasikan pakar industri dalam kurikulum sebagai penasihat dan panel penilai.

Usaha ini telah meningkatkan keterlihatan UiTM dalam jaringan antarabangsa, disamping memperkukuh kebolehpasaran graduan melalui pengalaman dunia sebenar.

Supporting Health in Neighbourhoods (SHINE)

Inisiatif **SHINE** dilaksanakan bagi memperluas perkhidmatan kesihatan serta inovasi penyelidikan kepada komuniti setempat. Antara perluasan yang dilaksanakan termasuk:

- Menyediakan program pemeriksaan kesihatan percuma dan konsultasi awam (Bukti 3.3d1).
- Melaksanakan aktiviti kesedaran kesihatan seperti kempen, bengkel dan pameran komuniti (Bukti 3.3d2).
- Memperkenalkan hasil inovasi penyelidikan dalam bentuk produk atau aplikasi yang boleh digunakan masyarakat (Bukti 3.3e).

Kesimpulan: Melalui **perluasan tiga inisiatif strategik** ini, ICAN PH berjaya mewujudkan **ekosistem yang inklusif** melibatkan alumni, industri dan komuniti. Usaha ini bukan sahaja **memperkuh tumpuan kepada pelanggan**, tetapi turut **menyumbang kepada pencapaian misi UiTM** dalam aspek **pendidikan, penyelidikan, dan khidmat masyarakat**.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_T01_TB03_20251_New Bukti 3.3-a1 dan 3.3-a2.pdf](#)
2. [F0046_T01_TB03_20252_New Bukti 3.3-b1-b4 .pdf](#)
3. [F0046_T01_TB03_20253_New Bukti 3.3-c1-c2 .pdf](#)
4. [F0046_T01_TB03_20254_New Bukti 3.3-d1-d2 .pdf](#)
5. [F0046_T01_TB03_20255_New Bukti 3.3-e.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PH TELAH membuat **PEMANTAUAN** terhadap program-program BT bagi memastikan ianya dapat memberikan ganjaran kepada pelanggan BT. MEKANISMA **PEMANTAUAN** keberkesanan program TELAH dinilai melalui:

1. Pembentangan pencapaian inisiatif strategik PH oleh PSTU di Mesyuarat Pengurusan PH (Bukti 3.4.1 a-1)
2. Proses Audit dalaman terhadap pencapaian objektif kualiti BT dan pencapaian inisiatif strategik BT (Bukti 3.4.1 a-2).
3. Maklum balas audit dalam dan pencapaian inisiatif strategik BT dan cadangan **PENAMBAHBAIKAN** telah dibincangkan di MKSP (Bukti 3.4.1 a-3).
4. Borang maklum balas pelanggan BT telah dikumpul secara sistematik dan **DIANALISA**. **PENAMBAHBAIKAN** program telah dikenalpasti dan dinyatakan di dalam Laporan Program (Bukti 3.4.1 a-4).

PEMANTAUAN pelaksanaan BT telah memastikan pelaksanaan program BT yang berkesan, justeru telah memberi impak positif kepada pelanggan BT dengan perolehan kebaikan/ganjaran berikut:

1. Pencapaian inisiatif BT 2024 berada di tahap yang membanggakan (100%) - <https://pharmacy.uitm.edu.my/index.php/discover-us/strategic-planning/achievement> (Bukti 3.4.1 b-1a)
 - a. Inisiatif ACT telah mencapai 100% PI019 dan PI080 (Bukti 3.4.1 b-1b).
 - b. Inisiatif SynergizeED telah mencapai 100% PI073 (Bukti 3.4.1 b-1c).
 - c. Inisiatif SHINE telah mencapai 100% PI PI079 (Bukti 3.4.1 b-1d).
 - d. Gabungan inisiatif SynergizeED dan SHINE telah mencapai 100% PI076, PI077 (Bukti 3.4.1 b-1e).
2. PH telah melebarluas jaringan kolaborasi dengan pelbagai organisasi luar. Pemindahan ilmu melalui penganjuran program yang berteras kesedaran pengurusan ubat, penjagaan kesihatan dan kelestarian alam sekitar telah memanfaatkan ramai pelanggan (Bukti 3.4.1 c).
3. Visibiliti PH telah diperluas melalui pengiktirafan diperingkat UiTM dan antarabangsa. Ini termasuk:
 - a. Anugerah di AKPU 2024 (Bukti 3.4.1 d-1).
 - b. Anugerah di Majlis Apresiasi MeTIC ke-14 (Bukti 3.4.1 d-2).
 - c. Penarafan bintang bagi projek-projek komuniti (Bukti 3.4.1 d-3).
 - d. *Word's Top 2% Scientist* (Bukti 3.4.1 d-4).
 - e. Anugerah-anugerah inovasi BT yang diperolehi staf PH (Bukti 3.4.1 d-5)
4. Staf PH telah memperoleh geran (Bukti 3.4.1 e-1) bagi pembangunan produk **INOVASI** BT bersama dengan rakan kongsi industri dan dana-dana luar yang telah menyokong program tanggungjawab sosial dan pemindahan ilmu (Bukti 3.4.1 e-2).
5. Bagi tahun 2024, PH berbangga kerana berjaya menjejaki tujuh alumni yang menjadi usahawan (Bukti 3.4.1 e-3).

Kesimpulan: **PEMANTAUAN** inisiatif BT telah dilaksanakan. HASIL **PEMANTAUAN** telah dianalisa dan digunakan untuk kaji semula pengurusan bagi melakukan **PENAMBAHBAIKAN**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_T01_TB04_TC01_20251_FF_3.4.1a_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

2. [F0046_T01_TB04_TC01_20252_PH_3.4.1b_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
3. [F0046_T01_TB04_TC01_20253_PH_3.4.1c_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
4. [F0046_T01_TB04_TC01_20254_PH_3.4.1d_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
5. [F0046_T01_TB04_TC01_20255_PH_3.4.1e1_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam melaksanakan inisiatif tumpuan kepada pelanggan, Bahagian ICAN PH telah **mengenal pasti beberapa risiko** yang berpotensi menjejaskan pencapaian serta keberkesanan perkhidmatan kepada pelanggan. Isu-isu yang dihadapi **TELAH di DAFTAR sebagai risiko di dalam DAFTAR RISIKO** (Bukti 3.4.2a) dimana kategori risiko, punca risiko, impak dan kaedah kawalan sebagai Tindakan Pencegahan dan Penambahbaikan telah di **NILAI dan di ANALISIS** (Bukti 3.4.2b). Risiko utama termasuklah tahap penglibatan pelanggan yang rendah, sama ada dalam kalangan alumni, industri atau komuniti, yang boleh mengakibatkan objektif program tidak tercapai. Selain itu, terdapat juga risiko berkaitan keterbatasan sumber kewangan dan kepakaran untuk melaksanakan program secara berterusan, di samping gangguan luaran seperti perubahan polisi kerajaan, faktor ekonomi, atau situasi kesihatan awam yang boleh menjejaskan kelancaran aktiviti. Risiko lain ialah kekangan komunikasi yang mungkin menyebabkan maklumat tidak sampai kepada kumpulan sasar, sekali gus menjejaskan tahap kepuasan pelanggan.

Bagi menguruskan risiko tersebut, pihak pengurusan PH telah **melaksanakan pelbagai strategi mitigasi dan penambahbaikan** yang berasaskan prinsip perancangan proaktif dan penambahbaikan berterusan. Pertama, penglibatan pelanggan diperkukuh melalui mekanisme maklum balas pelbagai saluran seperti kajian kepuasan, mesyuarat bersama pemegang taruh, serta penggunaan platform digital interaktif (Bukti 3.4.2c). Kedua, bagi mengatasi isu keterbatasan sumber, strategi kolaboratif dengan industri, alumni, dan agensi luar dilaksanakan bagi perkongsian kepakaran dan dana bersama (Bukti 3.4.2d). Ketiga, risiko berkaitan gangguan luaran ditangani melalui pelan kontingensi, termasuk penyesuaian program kepada kaedah hibrid atau dalam talian, bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan.

Selain itu, **Jawatankuasa Kualiti PH** telah diberi mandat untuk memantau pencapaian maklum balas pelanggan secara berkala, dan sebarang jurang pencapaian ditangani melalui pendekatan maklum balas pelanggan. Laporan **PEMANTAUAN** SAP BT dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan PH untuk tindakan segera serta perancangan **PENAMBAHBAIKAN** jangka panjang (Bukti 3.4.2e).

Secara keseluruhannya, pengurusan risiko yang sistematik ini memastikan setiap inisiatif berfokuskan pelanggan dapat dilaksanakan secara mampan, konsisten, serta memberikan impak tinggi kepada alumni, industri dan komuniti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_T01_TB04_TC02_20251_New Bukti 3.4.2-a.pdf](#)
2. [F0046_T01_TB04_TC02_20252_New Bukti 3.4.2-b.pdf](#)
3. [F0046_T01_TB04_TC02_20253_New Bukti 3.4.2-c Maklumbalas Pelanggan.pdf](#)
4. [F0046_T01_TB04_TC02_20254_New Bukti 3.4.2-d Kolaborasi dgn industri.pdf](#)
5. [F0046_T01_TB04_TC02_20255_New Bukti 3.4.2-e Pemantauan.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bahagian Pengurusan PH melalui ICAN PH sentiasa memberi **keutamaan kepada maklum balas** serta aduan pelanggan sebagai asas kepada proses **PENAMBAHBAIKAN** berterusan. Pelbagai mekanisme telah diguna pakai bagi **mengumpul dan menganalisa data**, termasuk kajian kepuasan pelanggan secara berkala, borang maklum balas dalam talian, mesyuarat bersama pemegang taruh, penerimaan aduan rasmi melalui emel serta peringatan penghantaran pelaporan (Bukti 3.4.3-a) dan aplikasi *WhatsApp* (Bukti 3.4.3-b). Semua maklum balas direkod, dikategorikan mengikut tahap keutamaan, seterusnya dipantau bagi memastikan tindakan susulan diambil secara segera, sistematik dan berkesan **untuk tujuan PENAMBAHBAIKAN**.

Bagi aduan yang diterima, pengurusan melaksanakan proses **ANALISA** dan semakan terperinci dengan mengenal pasti punca masalah, diikuti **tindakan efisien dan efektif** beserta cadangan penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang. Aduan teknikal atau melibatkan perkhidmatan segera dikendalikan melalui saluran *helpdesk*, manakala isu yang lebih kompleks dibawa ke Jawatankuasa Kualiti Fakulti untuk kajian lanjut. Dapatan serta tindakan pembetulan yang diambil kemudiannya dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti, mesyuarat *post-mortem* program dan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan sebagai bukti ketelusan serta komitmen pengurusan (Bukti 3.4.3c).

Analisis maklum balas turut mendapati penghargaan pelanggan terhadap kemudahan yang disediakan. Hal ini membuktikan tahap kepuasan warga PH, pelanggan dan pemegang taruh berada pada tahap tinggi, di samping menzahirkan keyakinan terhadap persekitaran yang kondusif (Bukti 3.4.3d).

PENAMBAHBAIKAN dilaksanakan melalui:

1. **PENAMBAHBAIKAN** proses kerja untuk mengurangkan kelewatan serta meningkatkan kecekapan;
2. Pelaksanaan latihan peningkatan kompetensi staf dalam memperkukuh kemahiran perkhidmatan pelanggan;
3. Pendigitalan perkhidmatan bagi memudahkan komunikasi serta capaian maklumat;
4. **PEMANTAUAN** berterusan untuk menilai keberkesanan tindakan.

Selain itu, **Jawatankuasa Unit Pengurusan Kualiti** telah menempatkan seorang Penyelaras Kepuasan dan Maklum Balas Pelanggan bagi memastikan pengurusan aduan selaras dengan *UiTM Quality Assurance and Enhancement Policy*. Proses kajian semula dan penambahbaikan ini telah menggalakkan budaya kerja responsif, telus dan berorientasikan pelanggan. Dapatan serta tindakan turut dikongsi bersama warga fakulti melalui Mesyuarat Jawatankuasa Aduan Maklum Balas Pelanggan dan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

Secara keseluruhan, komitmen terhadap kajian semula serta penambahbaikan berterusan ini telah memperkukuh kualiti perkhidmatan ICAN PH, sekali gus meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap UiTM. **Impak positif** dapat dilihat melalui peningkatan indeks kegembiraan pelanggan daripada 71% (2023) kepada 73% (2024) (Bukti 3.4.3e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_T01_TB04_TC03_20251_New Bukti 3.4.3-a.pdf](#)
2. [F0046_T01_TB04_TC03_20252_New Bukti 3.4.3-b.pdf](#)
3. [F0046_T01_TB04_TC03_20253_New Bukti 3.4.3-c.pdf](#)
4. [F0046_T01_TB04_TC03_20254_New Bukti 3.4.3-d Analisis Maklumbalas Pelanggan.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tahap **PEMBUDAYAAN** yang terhasil daripada keberkesanan tindakan **PENAMBAHBAIKAN** BT merangkumi budaya kerja berorientasikan inovasi. **PEMBUDAYAAN** ini telah diterjemahkan melalui pembangunan pelbagai produk **INOVASI** yang telah dibangunkan oleh staf PH (Bukti 3.5 a,b). Aktiviti penciptaan inovasi-inovasi baru terus dibudayakan apabila PH komited menganjurkan program pertandingan hasil inovasi setiap tahun. Ini merupakan platform bagi inovasi-inovasi baharu diketengahkan, dinilai dan diberi pengiktirafan (Bukti 3.5 c).

Kualiti produk inovasi telah memanfaatkan pelbagai kumpulan sasar/pelanggan BT dari organisasi dalam dan luar UiTM. Inovasi-inovasi yang diaplikasi secara bersemuka sewaktu penganjuran program BT telah membantu menarik minat dan penglibatan ramai kumpulan sasar BT. Ini telah menyemarakkan BUDAYA pemindahan ilmu yang dapat dilihat melalui kelestarian penganjuran program-program PH bersama alumni, industri dan komuniti (Bukti 3.5 b).

Inovasi digital, sebagai contoh, Prescription e-Newsletter (Bukti 3.5 c-1) dan IJPNaCS (Bukti 3.5 c-2), adalah inovasi yang telah dibangunkan oleh PH bagi sebaran informasi berkaitan BT. Ianya telah diterbitkan secara rutin dan telah dimanfaatkan oleh kumpulan sasar BT dalam dan luar UiTM. Situasi ini telah memberikan gambaran **PEMBUDAYAAN** perkongsian ilmu secara virtual yang terzhahir kesan daripada tindakan **PENAMBAHBAIKAN** terhadap proses pemindahan ilmu semasa pelaksanaan program-program BT agar ianya tersebar luas kepada kumpulan sasar BT. Keberkesanan program-program virtual BT anjuran PH telah merencanakan penglibatan organisasi dalam dan luar UiTM diperingkat nasional mahupun antarabangsa (Bukti 3.5 c-3). **PEMBUDAYAAN** ini telah memberi manfaat kepada PH daripada aspek; 1) kemudahan komunikasi pihak PH dengan kolaborator antarabangsa, justeru lebih ramai peserta dari luar negara telah terlibat dalam program-program BT, selain daripada 2) penjimatan kos operasi.

Pelaksanaan BT telah menerampilkkan ikon kecemerlangan BT di PH sehingga mendapat pengiktirafan *World's Top 2% Scientist* (Bukti 3.5 d-1). Mereka yang dimaksudkan telah secara konsisten **MEMBUDAYAKAN** peranan sebagai mentor dan pakar rujuk terhadap aktiviti-aktiviti bersama industri dan komuniti dalam dan luar PH. Justeru, ini telah menggalakkan beberapa staf PH untuk menempa kejayaan melaksanakan program komuniti setempat yang cemerlang sehingga berjaya mendapat pengiktirafan penarafan tiga bintang dari pihak ICAN, UiTM (Bukti 3.5 d-2). Sumbangan staf-staf ini telah mengharmonikan proses-proses perancangan, ukuran-ukuran, tindakan-tindakan, yang mana kesemuanya ini telah berjaya menzahirkan keberkesanan program-program BT yang diiktiraf cemerlang.

Selain itu, pencapaian cemerlang hasil program-program BT tahun 2024 ini telah berupaya menjadi momentum kepada kelestarian **PEMBUDAYAAN** penganjuran program-program berteraskan jaringan industri, komuniti dan alumni. Ini diterjemahkan melalui perancangan awal penetapan sasaran inisiatif strategik PH yang melibatkan pelbagai kumpulan sasar BT di Buku *Strategic Plan 2024 – 2025 Faculty of Pharmacy* bagi tahun 2025 yang berikutnya (Bukti 3.5 e-1).

Sebagai refleksi **KEBERKESANAN** pelaksanaan BT, PH telah mengadakan Majlis Sanggar Sanjung bagi menghargai sumbangan staf terhadap universiti selain memberi motivasi kepada semua staf bagi memperbaiki tahap pencapaian pada masa hadapan. Majlis ini telah menjadi BUDAYA di PH apabila ianya telah dijadikan sebagai salah satu program tahunan (Bukti 3.5 e-2).

Kesimpulan: Penerapan elemen inovasi semasa melaksanakan program-program BT adalah antara tindakan **PENAMBAHBAIKAN** yang TELAH dilaksanakan oleh PH bagi memastikan perolehan hasil pencapaian BT yang cemerlang. Pembudayaan penganjuran program-program berelemen inovasi telah melibatkan ramai kumpulan sasar daripada kalangan alumni, industri dan komuniti sehingga ke peringkat luar UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_T01_TB05_20251_PH_3.5a_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
2. [F0046_T01_TB05_20252_PH_3.5b_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
3. [F0046_T01_TB05_20253_PH_3.5c_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
4. [F0046_T01_TB05_20254_PH_3.5d_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
5. [F0046_T01_TB05_20255_PH_3.5e_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengenalan

Fakulti Farmasi (PH), UiTM, mengamalkan mekanisma pengurusan pengetahuan secara menyeluruh selaras dengan aspirasi universiti yang membawa gelombang pencapaian bertemakan **Globally Renowned, Locally Rooted University**. Tiga inisiatif utama yang menyokong BT: **ACT (Alumni for Change & Transformation)**, **SynergizeED (Impactful Partnership Initiative)**, dan **SHINE (Supporting Health in Neighborhoods)** menjadi pemacu kepada usaha pemantauan, analisis, dan penambahbaikan yang berterusan.

Pendekatan (Approach)

PH menetapkan **10 Petunjuk Prestasi (PI)** bagi menyokong pelaksanaan inisiatif BT dengan tumpuan kepada kebolehpasaran siswazah, penglibatan industri dan pembangunan komuniti melalui Jaringan *Quadruple Helix*. Sasaran kualiti termasuk kebolehpasaran $\geq 90\%$ bagi Sarjana Muda dan Diploma serta $\geq 5\%$ bekerja sendiri. Data prestasi dikumpul dan dianalisis secara sistematik melalui pelbagai platform seperti Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan, perbincangan berkumpulan dan pemantauan berkala secara sistematik.

Perluasan (Deployment)

Pengumpulan dan pengukuran data dilakukan secara berkala melalui sistem PRiME, soal selidik pelajar, laporan program, maklum balas industri dan *alumni tracer study*. Kaedah analisis merangkumi triangulasi data, statistik deskriptif, dan semakan silang prestasi antara tahun. **Hasil analisis** digunakan bagi menyusun semula program serta meningkatkan kesan pelaksanaan inisiatif strategik BT. **Pengurusan pengetahuan** yang berkesan melibatkan penyimpanan dan perkongsian di peringkat melangkaui UiTM menggunakan platform dan teknologi terkini.

Pembelajaran (Learning)

Penilaian impak daripada data membolehkan PH mengenal pasti strategi terbaik seperti modul *mentoring alumni* melalui inisiatif (ACT), penglibatan industri dalam reka bentuk kursus (SynergizeED), dan latihan komuniti pelajar (SHINE). Dapatan ini menjadi asas kepada perubahan struktur pelaksanaan serta pembentukan budaya kerja baharu.

Pemantauan (Check)

Pemantauan sistematik dilaksanakan melalui pendaftaran program di PRiME, laporan program, dan analisis trend 3 tahun. Data **dinilai** untuk mengenal pasti kekuatan dan jurang prestasi bagi **penambahbaikan**. Contohnya, program SHINE dinilai berdasarkan penarafan ≥ 3 bintang, manakala keberkesanan program industri dan alumni dinilai melalui skor kepuasan dan maklum balas peserta.

Kenalpasti Risiko (Act)

Selain dari mendaftarkan Daftar Risiko, PH juga **mengenalpasti risiko yang bakal dihadapi** oleh Jawatankuasa BT seperti kelewatan pengumpulan data, ketidaklengkapan maklumat dan kurangnya komunikasi antara pihak berkepentingan, melalui pelbagai platform seperti audit dalaman dan maklum balas pelbagai pihak. Justeru, PH telah melaksanakan **tindakan pencegahan dan penambahbaikan** seperti protokol pengumpulan data yang lebih ketat serta memperkukuh saluran komunikasi bagi mengurangkan risiko kegagalan pengurusan pengetahuan.

Penambahbaikan (Act)

Analisa hasil tindakan penambahbaikan telah dijalankan secara sistematik. Contohnya, peningkatan penglibatan alumni telah dicapai selepas struktur penyertaan disemak semula. Kerjasama industri diperluas selepas penilaian impak program menunjukkan keberkesanan projek bersama. Program komuniti SHINE disusun semula secara lebih interaktif berdasarkan analisa impak terdahulu. **Hasil penambahbaikan dikongsi kepada warga jabatan** melalui mesyuarat fakulti, hebahan emel dan media sosial.

Integrasi (Integration)

Ketiga-tiga inisiatif BT telah menghasilkan **pembudayaan amalan pengurusan pengetahuan secara holistik di peringkat yang melangkaui UiTM**. PH telah berjaya menjalankan projek bersama komuniti dan berkolaborasi dengan agensi kerajaan. Inovasi staf telah berjaya mendapat pengiktirafan di pelbagai peringkat. Perkongsian pengetahuan juga dilakukan melalui platform youtube. Hasil pengurusan pengetahuan telah berjaya mendapat star rating bagi 2 projek BT. Hasil integrasi ini telah menjadi asas budaya kerja berasaskan bukti (evidence-based culture) di PH.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PH terus mengorak langkah sebagai peneraju kecemerlangan holistik, bukan sahaja dalam bidang akademik, malah dalam memperkukuh jaringan strategik bersama alumni, industri, dan masyarakat. Selari dengan aspirasi universiti melalui Bidang Tumpuan (BT), pelbagai program strategik dilaksanakan bagi membuktikan komitmen PH terhadap kolaborasi berimpak tinggi berkonsepkan Jaringan 4 Serangkai (*Quadruple Helix*) dan pembangunan modal insan.

Perancangan dibuat secara sistematik dengan mengambil kira elemen penilaian, sejajar dengan **Objektif Kualiti PH** untuk memastikan kebolehpasaran siswazah melebihi 90% bagi Sarjana Muda dan Diploma, serta 5% bagi graduan bekerja sendiri (Bukti 4.2a).

Keberkesanan BT diukur melalui 10 Petunjuk Prestasi (PI) yang dipantau secara berkala oleh Timbalan Dekan (ICAN) melalui **Mesyuarat Pengurusan Fakulti** (Bukti 4.2b) dan **Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)** (Bukti 4.2c). Data kuantitatif daripada **Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG)** (Bukti 4.2d) digunakan bukan sahaja untuk menilai pencapaian, tetapi juga sebagai asas tindakan **penambahbaikan dan inovasi yang terhasil**, sekaligus memperkukuh budaya akauntabiliti dan tadbir urus fakulti.

Tiga inisiatif utama digerakkan bagi menyokong pencapaian PI, iaitu:

1. **ACT (Alumni for Change & Transformation)** – memperkasa jaringan alumni bagi menyokong pendidikan dan pembangunan pelajar.
2. **SynergizeED (Impactful Partnership Initiative)** – membina kolaborasi strategik bersama industri dan rakan luar.
3. **SHINE (Supporting Health in Neighborhoods)** – melibatkan komuniti melalui penyelidikan dan program kesejahteraan.

Pengukuran, analisis dan pengukuran pengetahuan PH adalah berpandukan Manual Tadbir Urus Jaringan Komuniti dan Jaringan Alumni UiTM. Bagi tadbir urus projek komuniti, PH telah mewujudkan tadbir urus yang komprehensif dan mudah difahami (Bukti 4.2 e).

Pendekatan menyeluruh ini telah meningkatkan penglibatan industri, alumni, dan masyarakat dalam pelbagai program, serta menampilkan PH sebagai penghubung penting antara universiti, industri, dan komuniti. Pelaksanaan berstruktur ini bukan sahaja menyumbang kepada pencapaian 10 PI di bawah BT, malah meneguhkan peranan PH sebagai rakan strategik negara dalam melahirkan graduan berkemahiran tinggi, berdaya saing, dan berjiwa sejahtera.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_A01_AB02_20251_Bukti 4.2 a.pdf](#)
2. [F0046_A01_AB02_20252_Bukti 4.2 b.pdf](#)
3. [F0046_A01_AB02_20253_Bukti 4.2 c.pdf](#)
4. [F0046_A01_AB02_20254_Bukti 4.2 d.pdf](#)
5. [F0046_A01_AB02_20255_4.2 e.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Selaras dengan aspirasi UiTM menerusi agenda BT, PH komited dalam melaksanakan pemantauan, analisis dan pengurusan pengetahuan secara berstruktur bagi memastikan inisiatif ACT, SynergizeED dan SHINE memberikan impak yang optimum. **Pelaksanaan di peringkat UiTM** dilaksanakan secara menyeluruh agar kualiti program dan hasil pembelajaran dapat dipertingkatkan.

Data dan Kaedah Penilaian:

Bagi menilai keberkesanan pelaksanaan program, pelbagai data dikumpulkan dan dianalisis menggunakan pendekatan kualitatif dan kuantitatif. Antara data utama yang digunakan termasuk:

- **Data sistem PRiME** berkaitan pendaftaran dan prestasi program (termasuk program antarabangsa di bawah SHINE) (Bukti 4.3a)
- **Data permohonan dan pelaksanaan program** dalaman dan antarabangsa (Bukti 4.3b)
- **Garis panduan Inisiatif Strategik** hasil perancangan strategik PH (Bukti 4.3c)
- **Maklum balas pelajar, pensyarah dan pihak industri** melalui borang soal selidik dan temubual berstruktur
- **Laporan pelaksanaan program** oleh koordinator
- **Kajian pengesanan graduan (tracer study)** dan maklum balas alumni melalui inisiatif ACT;
- **Analisis trend tiga tahun** melibatkan penyertaan, pencapaian dan penarafan program (contohnya, penarafan ≥ 3 bintang bagi program UNHAS dan Surabaya)
- **Data kolaborasi dan jaringan industri** melalui inisiatif SynergizeED.

Kaedah analisis termasuk analisis deskriptif statistik, penarafan prestasi, triangulasi maklumat daripada pelbagai sumber, serta perbandingan silang antara tahun dan antara program.

Kekerapan Pengumpulan dan Analisis Data:

Analisa data dilakukan mengikut Prosedur Analisa Data PH (Bukti 4.3d) dan dianalisis **secara berkala seperti berikut:**

- **Setiap semester:** Maklum balas pelajar dan laporan pelaksanaan program;
- **Setiap tahun:** Kajian tracer study, data PRiME dan analisis prestasi program antarabangsa;
- **Tiga tahun sekali:** Analisis trend prestasi (untuk mengesan pola dan impak jangka sederhana);
- **Bila perlu:** Temubual pihak industri dan alumni secara kualitatif untuk sokongan mendalam.

Penilaian telah dirumus dan penambahbaikan telah dilakukan berasaskan dapatan ini, yang seterusnya digunakan untuk:

- Menyusun semula kandungan latihan industri (SynergizeED);
- Merancang program komuniti yang lebih inklusif (SHINE);
- Meningkatkan penglibatan alumni bagi sokongan kerjaya pelajar (ACT).

Perkongsian dan Penyimpanan Pengetahuan:

Pelaksanaan di peringkat UiTM dapat dilihat melalui dapatan penilaian dikongsi secara rasmi melalui email dan mewujudkan pangkalan data jaringan ICAN (Bukti 4.3e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_A01_AB03_20251_Bukti 4.3 a.pdf](#)
2. [F0046_A01_AB03_20252_Bukti 4.3 b.pdf](#)
3. [F0046_A01_AB03_20253_Bukti 4.3 c.pdf](#)

4. [F0046_A01_AB03_20254_Bukti 4.3 d.pdf](#)
5. [F0046_A01_AB03_20255_Bukti 4.3 e.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PH melaksanakan pemantauan berstruktur terhadap pencapaian BT melalui analisis data dan pelaporan yang konsisten. Proses ini disokong oleh bukti sahih yang dapat ditelusuri.

Hasil penganalisaan data prestasi seperti Performance Indicator (PI) dan Objektif Kualiti dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti dan Mesyuarat MKSP (Bukti 4.4.1 a). Dapatan ini membantu mengenal pasti kursus atau program yang perlu diberi perhatian khusus, seterusnya dirangka pelan tindakan penambahbaikan.

Selain itu, hasil Audit Dalam turut dijadikan sumber data penting bagi menilai keberkesanan proses dan memastikan pematuhan kepada prosedur yang telah ditetapkan (Bukti 4.4.1 b). Dapatan audit ini dibincang bersama warga PH agar tindakan pembetulan dan pencegahan dapat diambil secara kolektif.

Di samping itu, maklumat daripada tinjauan (survey) terhadap pelajar, alumni, dan industri (Bukti 4.4.1 c) dianalisis untuk mendapatkan perspektif pihak berkepentingan luar. Hasil dapatan ini digunakan untuk menyokong inisiatif strategik BT, khususnya dalam pengukuhan kerjasama alumni (ACT), penyelarasan dengan industri (SynergizeED), dan impak kepada masyarakat (SHINE).

Pengurusan dan perkongsian pengetahuan sentiasa dikemaskini secara berkala, sebagai contoh, Prosedur Kualiti PH dikemaskini secara tahunan bagi memastikan proses kerja yang terkini (Bukti 4.4.1d) . Perkongsian maklumat juga banyak diperkemas melalui medium komunikasi visual seperti infografik (Bukti 4.4.1 e) yang memudahkan pemahaman semua warga PH terhadap pencapaian, jurang prestasi, dan pelan penambahbaikan.

Melalui pendekatan berasaskan bukti ini, **pemantauan dilaksanakan secara berstruktur dan konsisten**, seterusnya **hasil pemantauan dianalisis untuk mengenal pasti pencapaian, kelemahan, serta peluang penambahbaikan**. Berdasarkan analisis tersebut, **tindakan penambahbaikan dilakukan secara berterusan**, menjadikan proses pemantauan bukan sekadar mengukur pencapaian, malah berfungsi sebagai asas pengukuhan budaya kualiti dan penyumbang utama kepada pencapaian aspirasi BT PH.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_A01_AB04_AC01_20251_Bukti 4.4.1 a.pdf](#)
2. [F0046_A01_AB04_AC01_20252_4.4.1 b.pdf](#)
3. [F0046_A01_AB04_AC01_20253_Bukti 4.4.1 c.pdf](#)
4. [F0046_A01_AB04_AC01_20254_Bukti 4.4.1 d.pdf](#)
5. [F0046_A01_AB04_AC01_20255_Bukti 4.4.1 e.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

PH komited dalam memastikan keberkesanan analisa dan pengurusan pengetahuan sebagai asas kepada pelaksanaan inisiatif strategik BT. Sehubungan itu, pengurusan risiko dilaksanakan secara sistematik berpandukan Panduan Pengurusan Risiko UiTM (Bukti 4.4.2 a) yang menekankan proses pendaftaran, penilaian, analisis, tindakan pencegahan, dan pemantauan berterusan.

Risiko berkaitan pengurangan analisa dan pengurusan pengetahuan telah **didaftarkan dalam Daftar Risiko Strategik PH** melalui sistem UiTM Integrated Strategic Management System (UISMS) (Bukti 4.4.2 b). Pendaftaran ini membolehkan risiko dipantau secara konsisten, selain memudahkan pelaporan kepada pihak universiti.

Risiko tersebut telah **dinilai dan dianalisis** seperti yang digariskan dalam Panduan Pengurusan Risiko UiTM. Dapatan analisis dibincangkan dalam Mesyuarat MKSP (Bukti 4.4.2 c) dan direkod dalam minit mesyuarat sebagai bukti pelaksanaan.

Beberapa **tindakan pencegahan dan penambahbaikan** telah diambil. Antara langkah yang telah dilaksanakan termasuklah, pengukuhan sistem repositori untuk perkongsian maklumat, pemantapan peranan Jawatankuasa ICAN bagi memastikan maklum balas pihak berkepentingan direkod, serta pelaksanaan pemantauan capaian BT secara berkala. Inisiatif ini dibincangkan dalam Mesyuarat ICAN PH (Bukti 4.4.2 d) dan dipantau melalui Mesyuarat MKSP dengan semua keputusan didokumenkan dalam minit rasmi.

PH telah **merancang tindakan pencegahan** berkesan untuk mengurangkan risiko pengurangan pengurusan pengetahuan. Setiap program yang dijalankan diwajibkan menghantar laporan lengkap dari maklumat asas sehinggalah analisa pelaksanaan program (Bukti 4.4.2e). Plan mitigasi juga meliputi latihan staf berkaitan pengurusan maklumat, penambahbaikan platform digital sokongan serta penetapan mekanisme pelaporan yang lebih teratur. Semua tindakan ini direkod dalam UISMS (Risk Register dan Mitigation Plan) sekali gus memastikan kesinambungan penambahbaikan.

Kesimpulannya, PH bukan sahaja mengenal pasti risiko berkaitan pengurangan analisa dan pengurusan pengetahuan, malah telah mengambil tindakan menyeluruh yang memenuhi rubrik penilaian iaitu **risiko telah didaftar, dinilai, dianalisa, ditangani dengan pencegahan, serta dirancang mitigasi yang berkesan**. Pendekatan ini memperkukuh keberkesanan BT dan menyokong pencapaian objektif strategik fakulti serta universiti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_A01_AB04_AC02_20251_Bukti 4.4.2 a.pdf](#)
2. [F0046_A01_AB04_AC02_20252_Bukti 4.4.2 b.pdf](#)
3. [F0046_A01_AB04_AC02_20253_Bukti 4.4.2 c.pdf](#)
4. [F0046_A01_AB04_AC02_20254_Bukti 4.4.2 d.pdf](#)
5. [F0046_A01_AB04_AC02_20255_Bukti 4.4.2 e.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

PH menekankan kepentingan pengumpulan dan analisis data sebagai asas kepada penambahbaikan berterusan dalam pelaksanaan inisiatif BT. Data dan maklumat yang diperoleh melalui pelbagai platform telah **dikumpul dan dianalisis** dengan teliti bagi meningkatkan keberkesanan program.

Pertama, semua program BT direkodkan dalam sistem PRIME yang menjadi pangkalan data rasmi UiTM untuk pelaporan aktiviti (Bukti 4.4.3 a). Perekodan ini memastikan semua maklumat berkaitan objektif, pencapaian dan impak program direkod secara konsisten mengikut Panduan Pelaporan Program dalam PRIME (Bukti 4.4.3 b). Data yang dikumpul dianalisis oleh PH bagi mengenal pasti kekuatan, kelemahan serta tindakan susulan yang diperlukan.

Kedua, penambahbaikan dilakukan melalui pelaksanaan penglibatan alumni melalui sumbangan artikel bagi slot Alumni dalam PRESCRIPTION (Bukti 4.4.3 c). Maklumat hasil penglibatan ini membolehkan fakulti menilai tahap keterlibatan alumni dan menganalisis sumbangan mereka terhadap pembangunan pelajar. Dapatan analisis ini digunakan untuk menambah baik strategi penglibatan alumni pada program akan datang.

Ketiga, bengkel penulisan geran berasaskan komuniti yang dianjurkan (Bukti 4.4.3 d) juga berfungsi sebagai mekanisme pengumpulan data berkaitan keperluan staf. Data kehadiran, maklum balas peserta, serta bilangan cadangan geran yang terhasil dianalisis bagi mengukur keberkesanan bengkel. Hasil analisis digunakan untuk memperkukuh strategi kolaborasi dengan komuniti serta merancang bengkel susulan yang lebih berfokus.

Keempat, semua data yang dikumpul dibawa ke Mesyuarat ICAN PH untuk dibincangkan bersama pihak berkepentingan (Bukti 4.4.3 e). Mesyuarat ini menjadi platform rasmi untuk menganalisis maklumat, menilai pencapaian, dan merumus cadangan penambahbaikan. Semua dapatan serta keputusan direkodkan dalam minit mesyuarat untuk tujuan pemantauan dan tindakan lanjut.

Kesimpulannya, **data ini bukan sahaja dikumpul, malah dianalisis secara menyeluruh bagi menghasilkan cadangan penambahbaikan yang praktikal.** Proses ini memastikan semua tindakan BT ditambah baik secara berterusan, sekaligus menyokong pencapaian objektif strategik fakulti dan universiti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_A01_AB04_AC03_20251_Bukti 4.4.3 a.pdf](#)
2. [F0046_A01_AB04_AC03_20252_Bukti 4.4.3 b.pdf](#)
3. [F0046_A01_AB04_AC03_20253_Bukti 4.4.3 c.pdf](#)
4. [F0046_A01_AB04_AC03_20254_Bukti 4.4.3 d.pdf](#)
5. [F0046_A01_AB04_AC03_20255_Bukti 4.4.3 e.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Keberkesanan tindakan yang dilaksanakan oleh PH dalam BT telah berjaya mewujudkan tahap pembudayaan yang konsisten serta memberi impak melangkaui sempadan institusi. Hasil daripada tindakan yang sistematik, amalan penglibatan bersama komuniti, industri, dan masyarakat bukan sahaja mengukuhkan ekosistem fakulti, tetapi turut mengangkat nama UiTM di peringkat antarabangsa.

Pertama, projek komuniti yang dijalankan oleh warga fakulti telah menunjukkan impak luar biasa (Bukti 4.5 a). Program kesedaran kesihatan dan farmasi bukan sahaja memberi manfaat kepada komuniti tempatan, malah menjadi model rujukan bagi kerjasama rentas sempadan. Pendekatan ini mengilustrasikan pembudayaan tanggungjawab sosial yang boleh ditransfer ke peringkat antarabangsa, di mana aktiviti seumpama ini berpotensi dijadikan *best practice* untuk universiti serantau. **Budaya keterlibatan** ini melatih pelajar dan staf untuk berfikir dalam konteks global dan bersedia mengaplikasikan ilmu dalam pelbagai situasi.

Kedua, pelantikan panel industri memperlihatkan hubungan strategik fakulti dengan pemain industri yang berpengaruh, termasuk mereka yang mempunyai jaringan di peringkat global (Bukti 4.5 b). Panel bukan sahaja berperanan dalam menyelaras keperluan pasaran kerja tempatan, tetapi turut memberikan input berdasarkan piawaian antarabangsa. **Pembudayaan kolaborasi industri** ini memperkukuh daya saing graduan UiTM di pasaran global, sekali gus membuka ruang kerjasama penyelidikan dan latihan bersama syarikat multinasional.

Ketiga, **penglibatan staf dalam pertandingan inovasi** seperti IIDEX menonjolkan budaya inovasi yang mapan (Bukti 4.5 c). Melalui inovasi ini, produk-produk berpotensi dikomersialkan dan diketengahkan ke pasaran antarabangsa. Penyertaan aktif staf dalam platform inovasi membina imej fakulti sebagai pusat penghasilan idea baharu yang relevan dengan cabaran global, termasuk bidang farmaseutikal, kesihatan awam, dan teknologi perubatan.

Keempat, **penghasilan video pendidikan farmasi di YouTube** seperti “Ubat Tabu” menunjukkan kemampuan fakulti menggunakan medium digital untuk menyampaikan maklumat saintifik kepada khalayak antarabangsa (Bukti 4.5 d). Dengan capaian tanpa sempadan, video ini bukan sahaja menambah literasi kesihatan dalam kalangan masyarakat Malaysia, malah boleh diakses dan dijadikan bahan rujukan oleh masyarakat antarabangsa. Amalan ini jelas mencerminkan budaya komunikasi saintifik yang moden, kreatif, dan berimpak global.

Akhir sekali, **pengiktirafan fakulti** melalui penganugerahan 3 Star Rating PRIME membuktikan tahap pelaporan, dokumentasi, serta keberkesanan pelaksanaan program yang menepati standard berkualiti tinggi (Bukti 4.5 e). Kejayaan ini menunjukkan UiTM telah membina budaya kecemerlangan yang diiktiraf di luar, dan ia meletakkan fakulti pada landasan yang baik untuk menembusi rangkaian kerjasama antarabangsa.

Kesimpulannya, keberkesanan tindakan di bawah BT telah melahirkan budaya kerja fakulti yang tidak lagi terbatas kepada konteks dalaman UiTM. Melalui khidmat komuniti, kolaborasi industri, penghasilan inovasi, komunikasi digital, dan pencapaian piawaian antarabangsa, fakulti telah membuktikan bahawa pembudayaan amalan ini mampu **memberi impak di peringkat global**. Ini selari dengan aspirasi UiTM untuk menonjolkan kepakaran dan sumbangan universiti kepada komuniti sejagat, menjadikan PH sebagai contoh pembudayaan akademik yang bertaraf dunia.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_A01_AB05_20251_Bukti 4.5 a.pdf](#)
2. [F0046_A01_AB05_20252_Bukti 4.5 b.pdf](#)
3. [F0046_A01_AB05_20253_Bukti 4.5 c.pdf](#)
4. [F0046_A01_AB05_20254_Bukti 4.5 d.pdf](#)
5. [F0046_A01_AB05_20255_Bukti 4.5 e.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Sumber manusia merupakan tunjang utama keberkesanan pengurusan sesebuah organisasi. Pendekatan fakulti selaras dengan Pelan Strategik Perancangan Sumber Manusia UiTM 2021 – 2025 serta Pensejajaran Perancangan Strategik Lima Tahun (2021 – 2025) PH. Ini memastikan tenaga kerja diuruskan dengan cekap sambil memupuk AKAUNTABILITI dan DELEGASI tugas secara strategik selaras dengan objektif strategik fakulti.

PENDEKATAN (APPROACH)

PERANCANGAN keperluan sumber manusia Fakulti jangka masa pendek dan panjang dilaksanakan secara sistematik dengan mengambil kira **PENILAIAN, PENAMBAHBAIKAN** dan **INOVASI**. Ini merangkumi pendekatan strategik, pendelegasian berstruktur dan analisis SWOT, selaras piawaian Lembaga Farmasi dan objektif BT Fakulti. Fokus pengurusan sumber manusia diberikan kepada pembangunan staf dan latihan intensif berterusan. **PERANCANGAN** ini didokumentasikan di dalam Buku Pensejajaran Perancangan Strategik Lima Tahun (2021 – 2025) Bil. 6 PH dan **DISEBARLUASKAN** melalui emel dan laman sesawang fakulti bagi memastikan warga fakulti sejajar dengan hala tuju strategik Universiti dan Fakulti.

PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan PH telah mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menyokong pencapaian BT melalui tiga inisiatif strategik iaitu ACT, SynergizED dan SHINE yang telah disebarkan kepada seluruh warga fakulti bagi memastikan **PENGLIBATAN INKLUSIF** staf akademik, pentadbiran dan pelajar. Pelbagai program telah **DILAKSANAKAN di peringkat UiTM** seperti bengkel penulisan artikel dan geran, program komuniti serta kerjasama dengan alumni dan industri. Pendekatan ini menyokong pemindahan ilmu, pembangunan komuniti, pengiktirafan, kolaborasi akademik dan pencapaian objektif strategik Fakulti.

PEMBELAJARAN (LEARNING)

PEMANTAUAN

PEMANTAUAN dilaksanakan, hasilnya **DIANALISA** dan **PENAMBAHBAIKAN** dilakukan secara berterusan terhadap persekitaran dan sistem kerja Fakulti melalui maklum balas pelanggan dan pelaporan berkala sebagai sebahagian daripada tadbir urus berasaskan AKAUNTABILITI. Analisis menunjukkan penghargaan tinggi terhadap fasiliti dan persekitaran kondusif PH. **PENAMBAHBAIKAN** meningkatkan kesejahteraan, motivasi, dan produktiviti warga Fakulti, terbukti melalui peningkatan Happiness Index dan kepuasan kerja antara 2023 dan 2024. **PENAMBAHBAIKAN** proses kerja, termasuk Pengurusan Pelajar Latihan Industri (Inbound), turut memperkukuh kecekapan, kualiti, dan kecemerlangan operasi.

KENALPASTI RISIKO

Fakulti telah **MENGENALPASTI** dan mendaftarkan dua (2) **RISIKO** utama di dalam Daftar Risiko iaitu pertumbuhan kulat dan kerosakan lif. Risiko ini telah dilaporkan secara rasmi oleh Penyelaras Pengurusan Risiko dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti Bil. 1/2024 bertarikh 23 Januari 2024 bagi tujuan **PEMANTAUAN** dan tindakan MITIGASI. Ini mencerminkan komitmen Fakulti dalam menyediakan sumber serta mengawal selia agenda BT.

PENAMBAHBAIKAN

Berdasarkan analisis **PEMANTAUAN**, pengurusan Fakulti **TELAH MELAKSANAKAN** langkah-langkah **PENAMBAHBAIKAN** yang dibincangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti. Pelaporan dijalankan pada setiap sukuan tahunan bagi memastikan PI tercapai, tindakan pembetulan segera diambil menerusi strategi **PENAMBAHBAIKAN**, dan pengurusan risiko bagi mengelak isu berulang. **PEMANTAUAN** berkala Objektif Kualiti Fakulti turut dibuat

bagi membi LITVOR jalinan strategik bersama alumni dan industri, serta memastikan kebolehpasaran siswazah. Usaha ini secara langsung memperkukuh pencapaian BT termasuk pengukuhan jaringan alumni, pemantapan hubungan komuniti, dan pengembangan aktiviti kesukarelawanan.

INTEGRASI (INTEGRATION)

PH telah berjaya memperluas **AMALAN** dan **PEMBUDAYAAN** BT ke peringkat luar UiTM. Tindakan **PENAMBAHBAIKAN** yang **DILAKSANAKAN** telah memberi impak positif kepada golongan sasaran. Program BT mencapai 100% sasaran TRU. Kecemerlangan ini diiktiraf apabila PH menerima Anugerah Pencapaian Cemerlang BT semasa AKPU 2024. Pengiktirafan antarabangsa dizahirkan melalui penganugerahan Scholarship Awardees Japanese JXTX+GCC 2024, pelantikan Profesor Adjung dan pencapaian staf sebagai Top 2% Scientist dunia mengangkat reputasi PH diperingkat global.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan PH TELAH melaksanakan Kaedah Pengurusan Sumber Manusia melalui **PERANCANGAN** secara sistematik dan pendekatan strategik, termasuk amalan PENDELEGASIAN berstruktur bagi memastikan kelestarian tenaga kerja akademik dan pentadbiran selaras dengan BT. Perancangan ini turut mengambil kira **PENILAIAN** analisis SWOT bagi mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan cabaran dalam pengurusan sumber manusia, serta didokumenkan dalam Buku Pensejajaran Strategik Fakulti yang disebarluaskan melalui emel dan laman sesawang fakulti (Bukti 5.2 a).

Pengambilan staf akademik pula dilaksanakan secara tahunan berdasarkan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) dengan pematuhan nisbah pensyarah-pelajar seperti ditetapkan oleh Garis Panduan Lembaga Farmasi Malaysia Tahun 2018 dan 2024 (Bukti 5.2 b). Sebagai Fakulti Autonomi, kaedah *head hunting* turut digunakan untuk memperoleh kepakaran relevan yang menyokong pengajaran, penyelidikan dan penerbitan, sekali gus meningkatkan kualiti serta kedudukan QS Universiti Ranking kursus/subjek Farmasi dan Farmakologi. Selain itu, fakulti menggunakan SSPA sebagai kerangka nasional bagi skim perkhidmatan, ganjaran dan penilaian prestasi yang telus, adil dan menyokong pembangunan kerjaya staf.

Sebagai langkah **PENAMBAHBAIKAN** dan **INOVASI**, bahagian pentadbiran PH telah melaksanakan tiga SAP utama iaitu **TUNAS – Towards Uplifting and Nurturing Agile Staff** yang memupuk persekitaran kerja berprestasi tinggi dan beretika, **We-JANA – We Generate & Nurture Abundance** yang meningkatkan sumber kewangan fakulti melalui aset dan kepakaran sedia ada, serta **QIP - Quality Initiative Project Pharmacy** yang menggalakkan budaya kualiti dan menyokong sistem pengurusan kualiti UiTM. Pelaksanaan ini membolehkan fakulti mencapai KPI bagi **Kriteria 6 (K6): Sumber Manusia Berpotensi Tinggi dan Perkhidmatan Cemerlang, SK 6-2: Latihan Kemahiran dan Pembangunan Staf (Bukti 5.2 c)**.

Pengurusan Fakulti juga menggalakkan staf menyertai latihan sangkutan dan sabatikal di organisasi luar, universiti tempatan/antarabangsa dan industri. Pada tahun 2024, dua (2) staf akademik telah mengikuti latihan di Medication Therapy Adherence Clinic (HFMTAC), Hospital Sultan Idris Shah, seorang (1) di Jabatan Nefrologi, Hospital Kuala Lumpur, seorang (1) staf pentadbiran di Laboratori Penyelidikan Kanser UPM-MAKNA (CANRES), Institut Biosains, Universiti Putra Malaysia, serta seorang (1) staf akademik menjalani sabatikal di University of Nottingham, United Kingdom (Bukti 5.2 d). Usaha ini bukan sahaja memperkukuhkan kemahiran, malah memperluas jaringan kerjasama strategik yang memberi manfaat kepada komuniti akademik, alumni dan masyarakat.

Selain itu, fakulti menganjurkan pelbagai program pemindahan ilmu dan inovasi dengan melibatkan penyelidik, alumni dan pelajar. Inisiatif ini selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan pembangunan elemen STEM melalui inovasi dan pembelajaran berasaskan pengalaman. Antara program utama ialah **Pharmacy, Invention, Innovation & Technology Exhibition 2024 (PHIITEX '24)**, **Jom Sains Farmasi 2024**, **Science & Pharmacy Day**, dan **Projek Komuniti S&P: Memperkasa Elemen Sains & Farmasi Sedamai** (Bukti 5.2 d).

Fakulti turut memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf melalui **Majlis Sanggar Sanjung** pada 12 Julai 2024. Majlis ini meraikan pencapaian cemerlang staf dan menyampaikan enam (6) kategori utama meliputi Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal Pelajar, Penyelidikan dan Inovasi, Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni, Kualiti serta Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Khususnya, sebanyak lima (5) anugerah telah disampaikan bagi kategori Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (Bukti 5.2 e).

Kesimpulannya, **perancangan sumber manusia telah dibuat secara sistematik dengan mengambil kira elemen penilaian, penambahbaikan dan inovasi** yang terhasil selaras dengan piawaian Lembaga Farmasi.

SENARAI BUKTI:

-
1. [F0046_S01_SB02_20251_Bukti 5.2 a - Hebahan Perancangan Strategik.pdf](#)
 2. [F0046_S01_SB02_20252_Bukti 5.2 b - ABM dan LFM.pdf](#)
 3. [F0046_S01_SB02_20253_Bukti 5.2 C - Penambahbaikan dan Inovasi SAP.pdf](#)
 4. [F0046_S01_SB02_20254_Bukti 5.2 d - Latihan Sangkutan dan Pelaksanaan Program Penyelidikan.pdf](#)
 5. [F0046_S01_SB02_20255_Bukti 5.2 e- Majlis Sanggar Sanjung 2024.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan PH TELAH mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia bagi menjayakan BT menerusi tiga INISIATIF STRATEGIK iaitu **Alumni for Change & Transformation (ACT)**, **Impactful Partnership Initiative (SynergizED)** dan **Supporting Health in Neighborhoods (SHINE)** yang TELAH dirangka dan didokumentasi di dalam Perancangan Strategik PH 2021-2025 Bil. 6.

Inisiatif-inisiatif ini TELAH DISEBARLUAS kepada warga fakulti bagi memupuk kebersamaan menerusi beberapa cara seperti Mesyuarat Fakulti, Amanat Dekan, laman web rasmi fakulti (Bukti 5.3 a). Peluang penyertaan dan PENGLIBATAN yang INKLUSIF telah memastikan seluruh warga fakulti, meliputi staf akademik, pentadbiran, serta pelajar ijazah dan pascasiswazah TERLIBAT secara aktif dalam pelaksanaan pelbagai aktiviti. Usaha ini telah mendapat sambutan yang sangat positif, sekali gus memupuk rasa memiliki dan kebersamaan. Impak positifnya bukan sahaja dirasai di peringkat fakulti, malah turut melangkaui sempadan, memberi sumbangan signifikan kepada universiti, masyarakat setempat, dan komuniti antarabangsa seperti contoh berikut:

- Beberapa siri bengkel penulisan artikel dan geran yang dianjurkan secara percuma oleh fakulti seperti **Write2Impact, Write2gether Workshop Series, dan Seminar Write2Win** telah disertai bukan sahaja oleh warga fakulti tetapi juga warga UiTM dari pelbagai fakulti dan cawangan. Ini bertujuan untuk menggalakkan staf berkolaborasi bersama alumni dan industri bagi memperolehi geran yang memberi manfaat kepada komuniti. (Bukti 5.3 b).
- Pelbagai program bersama komuniti seperti **Kenal Ubat Kekal Sihat, Jom Lupus Ubat Secara Selamat, World Pharmacists Day 2024, Jom Prihatin Ubat, dan Kempen Kesihatan Awam 'PharmaAssist 2024'** (Bukti 5.3 c) telah menjadi platform pemindahan ilmu yang menghubungkan kepakaran fakulti, pelajar pra dan pasca siswazah serta masyarakat. Kejayaan inisiatif ini terbukti melalui penarafan 3 bintang bagi projek komuniti S&P: **Memperkasa Elemen Sains & Farmasi Sedamai** serta pelantikan Dr. Hisyam Abdul Hamid sebagai pakar rujuk program MediSafE bagi pemindahan ilmu pelupusan ubat selamat kepada komuniti demi kelestarian alam sekitar.
- Beberapa penceramah fakulti yang pernah memberi ceramah berkaitan program di peringkat kebangsaan dan antarabangsa adalah seperti Dr. Norkasih Ibrahim - **Forum Kesihatan: Memantapkan Akses Perawatan yang Optima dan Saksima: Sejauh manakah Malaysia bersedia?**, Professor Dr. Kalavathy Ramasamy - **Webinar: A Guide to Getting Published in High Impact Jurnal**, Profesor Madya Dr. Mohd Shahezwan And Wahab - **Seminar Menyelami Ilmu Suplemen Kesihatan & Makanan Fungsian**, Dr. Norkasih Ibrahim - **CDPHER Research Seminar** dan Profesor Madya Dr. Khuriah Abdul Hamid & Dr. Hisyam Abdul Hamid - **10th International Postgraduate Conference on Pharmaceutical Sciences (IPoPS 2024)**. (Bukti 5.3 d)
- Kepakaran sumber manusia di PH sentiasa menjadi rujukan, dibuktikan melalui peningkatan bilangan pelajar dari pelbagai institusi pendidikan yang menjalani Latihan Industri di sini. Pencapaian ini bukan sahaja mencerminkan pengiktirafan terhadap keupayaan PH dalam menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif, malah turut memperkukuh reputasi UiTM sebagai rakan strategik dalam pembangunan modal insan berdaya saing dan berimpak tinggi. (Bukti 5.3 e)

Kesimpulannya, berdasarkan pelaksanaan dan bukti-bukti seperti yang telah dinyatakan menampakkan Pengurusan Fakulti TELAH mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia sedia ada bagi menjayakan BT.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_S01_SB03_20251_Bukti 5.3 a - Mesyuarat Fakulti, Majlis Amanat Dekan, Laman Sesawang.pdf](#)
2. [F0046_S01_SB03_20252_Bukti 5.3 b - Write2Impact, Write2Gether and Write2Win Workshop.pdf](#)
3. [F0046_S01_SB03_20253_Bukti 5.3 c - Program bersama Komuniti.pdf](#)
4. [F0046_S01_SB03_20254_Bukti 5.3 d - Penceramah di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.pdf](#)
5. [F0046_S01_SB03_20255_Bukti 5.3 e - Brochure Intern.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepuasan hati dan aduan sumber manusia terhadap persekitaran dan sistem kerja memberi gambaran awal terhadap keberkesanan pengoperasian PH. Justeru itu, **PEMANTAUAN** secara berterusan dilaksanakan melalui medium maklum balas pelanggan yang disediakan oleh PH. Sistem Maklum Balas Pelanggan ini boleh diakses oleh staf dan pelajar menggunakan QR Code di laman sesawang PH serta di papan kenyataan (Bukti 5.4.1 a).

Selain itu, **PEMANTAUAN** berkala turut dijalankan menerusi pelaporan yang disampaikan oleh Timbalan Dekan ICAN bersama Penyelaras Strategik Transformasi Universiti (PSTU) dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti dan Mesyuarat Petunjuk Prestasi sebagai sebahagian daripada tadbir urus yang telus dan **BERAKAUNTABILITI**.

Hasil **PEMANTAUAN** yang dikumpulkan **DIANALISIS** (Bukti 5.4.1 b), dan beberapa dapatan menunjukkan penghargaan terhadap kemudahan yang telah disediakan. Analisis ini membuktikan bahawa warga Fakulti, pelanggan, dan pemegang taruh amat berpuas hati dengan persekitaran kondusif serta fasiliti yang dititikberatkan dan disediakan oleh Fakulti (Bukti 5.4.1 c).

Berdasarkan **ANALISIS** ini, **PENAMBAHBAIKAN** dilakukan dari semasa ke semasa untuk memastikan kesejahteraan, motivasi, dan produktiviti warga Fakulti terus diperkukuh. Keberkesanan tindakan tersebut turut terbukti melalui Laporan Happiness Index UiTM 2024 yang merekodkan peningkatan tahap kegembiraan warga fakulti daripada 70% pada tahun 2023 kepada 75% pada tahun 2024. Bagi domain emosi positif di bawah sub-domain kerja, UiTM sebagai majikan memperoleh skor keseluruhan sebanyak 80%. Sementara itu, kepuasan kerja warga fakulti turut meningkat daripada 66% pada tahun 2023 kepada 74% pada tahun 2024 (Bukti 5.4.1 d).

Hasil daripada intervensi **PENAMBAHBAIKAN** ini, indeks kembali meningkat kepada 71% pada tahun 2023 dan seterusnya 73% pada tahun 2024. Peningkatan ini mencerminkan tahap resiliensi organisasi serta keberkesanan tindakan yang berfokuskan kesejahteraan staf.

PH juga melaksanakan **PENAMBAHBAIKAN** proses kerja secara berterusan untuk meningkatkan kecekapan, keberkesanan, dan kualiti dalam pelaksanaan sistem serta perkhidmatan. Langkah ini membantu fakulti mencapai prestasi optimum, mengurangkan pembaziran, memberikan nilai maksimum kepada pelanggan, serta memperkukuh amalan Kecemerlangan Operasi (OE) di seluruh UiTM. Antara contoh proses kerja yang ditambah baik ialah Pengurusan Pelajar Latihan Industri (Inbound) di PH (Bukti 5.4.1 e).

Kesimpulannya, dengan pelaksanaan **PEMANTAUAN**, **ANALISA** yang rapi, dan **PENAMBAHBAIKAN** berterusan, staf, pelajar, pemegang taruh serta warga kampus menunjukkan tahap kepuasan yang tinggi terhadap persekitaran dan sistem kerja di PH.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_S01_SB04_SC01_20251_Bukti 5.4.1 a - Maklumbalas Pelanggan Fakulti Farmasi.pdf](#)
2. [F0046_S01_SB04_SC01_20252_Bukti 5.4.1 b - ANALISA HASIL PEMANTAUAN.pdf](#)
3. [F0046_S01_SB04_SC01_20253_Bukti 5.4.1 c - ANALISA PENGHARGAAN.pdf](#)
4. [F0046_S01_SB04_SC01_20254_Bukti 5.4.1 d - Happiness Index 2024.pdf](#)
5. [F0046_S01_SB04_SC01_20255_Bukti 5.4.1 e - Kecemerlangan Operasi OE.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Risiko merupakan elemen penting dalam sesebuah organisasi terutama dalam aspek pengurusan Sumber Manusia.

Risiko, punca risiko dan tindakan pencegahan BT dalam pengurusan sumber manusia TELAH **didaftarkan** dalam Daftar Risiko PH Tahun 2024 di *Electronic Risk Management System* (e-RMS) (Bukti 5.4.2 a). Antara risiko yang direkodkan di perkara no. 1 ialah pertumbuhan kulat pada dinding luar dan dalam beberapa makmal yang melibatkan kawasan penyelidikan dan pengajaran. Risiko ini didaftarkan kerana ia boleh mengancam kesihatan warga PH, terutamanya yang terlibat secara langsung di lokasi yang terjejas, sekali gus menjejaskan kecekapan dan produktiviti kerja.

Dalam konteks PENGURUSAN RISIKO ini, Pengurusan PH **TELAH MELAKSANAKAN** langkah-langkah proaktif dan pencegahan seperti berikut:

- Pelantikan Penyelaras Pengurusan Risiko (Bukti 5.4.2 b), Encik Mohd Alimukhti Mansor sebagai pegawai yang bertanggungjawab bagi pengendalian pengurusan risiko di PH. Beliau TELAH melaporkan status pengurusan risiko dari masa ke semasa di dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti serta melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Risiko Fakulti.
- Bagi tahun 2024, terdapat dua (2) risiko yang TELAH didaftarkan di dalam rekod Daftar Risiko iaitu i) Pertumbuhan Kulat dan ii) Kerosakan Lif (Bukti 5.4.2 c) TELAH dilapor oleh Penyelaras Pengurusan Risiko di dalam Mesyuarat Pengurusan Bilangan 1/2024 bertarikh 23 Januari 2024 (Bukti 5.4.2 d).

Selain daripada pemantauan dalam daftar risiko, PH juga **TELAH menyediakan** Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengendalian peralatan berteknologi tinggi dan penyelenggaraan bagi makmal seliaan (Bukti 5.4.2 e). Ini adalah bagi memastikan risiko insiden berlaku kepada para penyelidik dan warga PH dapat dibendung dan dielakkan.

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang telah dinyatakan di atas, Pengurusan PH bersama Unit Pengurusan Risiko PH TELAH merancang tindakan pencegahan risiko BT dengan langkah penyelesaian yang bersesuaian.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_S01_SB04_SC02_20251_Bukti 5.4.2 a - eRMS.pdf](#)
2. [F0046_S01_SB04_SC02_20252_Bukti 5.4.2 b - Pelantikan Penyelaras Pengurusan Risiko.pdf](#)
3. [F0046_S01_SB04_SC02_20253_Bukti 5.4.2 c - Daftar Risiko.pdf](#)
4. [F0046_S01_SB04_SC02_20254_Bukti 5.4.2 d - Petikan Minit Mesyuarat Pengurusan.pdf](#)
5. [F0046_S01_SB04_SC02_20255_Bukti 5.4.2 e- SOP Pengendalian Peralatan Berteknologi.pdf](#)

5.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Persekitaran kerja dan sistem kerja yang kondusif merupakan faktor utama dalam meningkatkan kepuasan, prestasi dan produktiviti sumber manusia di PH, seterusnya menyokong keberkesanan perancangan dan pelaksanaan BT.

Bagi memastikan matlamat ini tercapai, , pengurusan PH **TELAH MELAKSANAKAN KOMUNIKASI** dua hala secara berterusan bagi mendapatkan maklum balas serta pandangan daripada semua staf melalui pelbagai platform, antaranya:

Pelaksanaan Majlis Amanat Dekan 2024 yang mana ia dilaksanakan dengan tujuan untuk Pengurusan Fakulti Farmasi menyampaikan Visi, Matlamat serta Hala Tuju Fakulti serta Universiti di samping menggalakkan budaya kerja yang positif, berteraskan INKLUSIVITI dan berorientasikan prestasi. Warga Fakulti dapat **penjelasan yang jelas berkaitan objektif dan inisiatif strategik Fakulti Farmasi** (Bukti 5.4.3 a).

Setiap tahun, PH melaksanakan **Mesyuarat Fakulti** (Bukti 5.4.3 b) yang mana melibatkan kehadiran semua warga Fakulti. Ia menjadi salah satu medan untuk staf mendapat maklumat berkaitan pencapaian Fakulti, memberi pandangan, pendapat dan mengutarakan masalah yang dihadapi serta dapat **mewujudkan suasana serta persekitaran kerja yang harmoni dan kondusif**.

Maklumat dan hebahan berkaitan Perancangan Strategik Fakulti **sentiasa disebarluas** dan dibuat makluman secara berkala berkaitan pencapaian semasa di dalam Mesyuarat Pengurusan, emel rasmi, media sosial dan juga melalui Buku Pensejajaran Perancangan Strategik PH (Bukti 5.4.3 c). Ini **memupuk kesedaran dan cakna** dalam diri setiap warga Fakulti untuk sama-sama mencapai objektif dan inisiatif Fakulti.

Setiap maklum balas dan aduan **sentiasa diambil serius** oleh Pengurusan Fakulti. Sebagai contoh, aduan berkaitan peralatan Sistem Audio Video dan projektor di Dewan Kuliah **TELAH DIAMBIL** tindakan segera untuk memastikan peralatan tersebut dibuat pembaikan.

Fakulti telah mengemukakan permohonan peruntukan kewangan kepada pihak Bendahari UiTM, Bahagian Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur serta permohonan peruntukan kewangan amanah Fakulti (Bukti 5.4.3 d) bagi membolehkan pembaikan, penyelenggaraan, dan penggantian peralatan dijalankan dengan kadar segera. Tindakan ini **TELAH MEMASTIKAN** kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran melalui DELEGASI penyelesaian masalah kepada pegawai bertanggungjawab.

Dari segi komunikasi dalaman bahagian sumber manusia, aplikasi *WhatsApp* telah digunakan bagi memastikan makluman, peringatan dan perbincangan dapat dilakukan dengan efektif (Bukti 5.4.3e).

Kesimpulannya, Pengurusan Fakulti sentiasa mengkaji semula dan melaksanakan penambahbaikan yang efisien berasaskan maklum balas sumber manusia, dengan fokus mewujudkan suasana kerja yang harmoni, sistem kerja yang efektif, dan persekitaran yang kondusif untuk menyokong kecemerlangan fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_S01_SB04_SC03_20251_Bukti 5.4.3 a - Majlis Amanat Dekan 2024.pdf](#)
2. [F0046_S01_SB04_SC03_20252_Bukti 5.4.3 b - Mesyuarat Fakulti.pdf](#)
3. [F0046_S01_SB04_SC03_20253_Bukti 5.4.3 c - Hebahan Perancangan Strategik.pdf](#)
4. [F0046_S01_SB04_SC03_20254_Bukti 5.4.3 d - Surat Permohonan Peruntukan Kewangan.pdf](#)
5. [F0046_S01_SB04_SC03_20255_Bukti 5.4.3.e Hebahan Melalui WhatsApp.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

PH telah berjaya memperluas **AMALAN** dan **PEMBUDAYAAN** BT hingga ke **peringkat luar UiTM**. Melalui integrasi **PENAMBAHBAIKAN** dalam proses kerja Pengurusan Pelajar Latihan Industri (Inbound) yang didaftarkan di OE, PH telah berjaya menarik lebih ramai pelajar termasuk pelajar antarabangsa untuk menjalani latihan industri di fakulti (Bukti 5.5 a). Usaha ini bukan sahaja memperluas jaringan kolaborasi, malah memantapkan kedudukan PH sebagai rakan strategik industri dan akademia di peringkat global.

PH komited **MEMBUDAYAKAN** BT di dalam dan luar UiTM menerusi pelbagai program yang melibatkan pemindahan ilmu dan **INOVASI** kepada semua warga UiTM serta masyarakat. **PEMBUDAYAAN** BT di fakulti dizahirkan melalui pengiktirafan warga fakulti yang cemerlang menerusi Majlis Sanggar Sanjung. Di peringkat UiTM pula, kejayaan program BT yang mencapai 100% sasaran seperti ditetapkan TRU menjadi penanda aras kecemerlangan fakulti. Usaha ini mendapat pengiktirafan melalui Anugerah Pencapaian Cemerlang BT semasa AKPU 2024, sekali gus mengangkat PH sebagai model amalan terbaik universiti. Fakulti turut menerima pengiktirafan di Majlis Kemuncak Bulan Inovasi dan Kualiti 2024 serta Majlis Sanjung Sarjana UiTM 2024 (Bukti 5.5 b).

Selain itu, lantikan staf sebagai pakar rujuk dan pengiktirafan staf sebagai Ahli Bersekutu *Young Scientists Network – Academy of Sciences Malaysia (YSN-ASM)* Adalah refleksi **PEMBUDAYAAN** BT di peringkat nasional. Pengiktirafan ini memperkukuh jaringan kolaborasi serta memberi impak positif kepada komuniti melalui pembangunan penyelidikan berorientasikan keperluan masyarakat dan pemindahan ilmu kepada masyarakat. Ini sekali gus mengangkat nama UiTM sebagai institusi yang melahirkan penyelidik dan pemimpin masa depan dalam bidang sains dan inovasi (Bukti 5.5 c).

Pengiktirafan staf PH di peringkat antarabangsa termasuk penganugerahan Scholarship Awardees Japanese JXTX+GCC 2024, pelantikan sebagai Profesor Adjung di universiti luar negara, serta pengiktirafan staf dalam kategori Top 2% Scientist dunia (Bukti 5.5 c). Pencapaian ini membuktikan kemampuan warga PH memperkukuh **PEMBUDAYAAN** BT di peringkat global menerusi peranan mereka sebagai mentor bertaraf antarabangsa.

Dalam aspek pembangunan bakat, PH telah mencapai KPI Kriteria 6 (K6): Sumber Manusia Berpotensi Tinggi dan Perkhidmatan Cemerlang dengan melahirkan ramai penyelidik yang berjaya memperoleh geran penyelidikan bernilai RM2,788,358.00 di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 2024 (Bukti 5.5 d). Kejayaan ini bakal memberi manfaat jangka panjang kepada komuniti melalui penyelidikan berimpak tinggi yang menyumbang kepada pengetahuan dan **INOVASI** global.

Keseluruhan inisiatif, strategi dan pencapaian ini telah didokumentasikan dalam *Pensejajaran Perancangan Strategik 5 Tahun PH Bil. 5 dan Bil. 6 (2021–2025)* sebagai panduan hala tuju fakulti. Segala aktiviti dan kejayaan PH turut dihebahkan melalui e-buletin fakulti *Prescription*, media sosial, laman web rasmi PH serta platform digital lain bagi memastikan capaian meluas, di samping membuka ruang kepada maklum balas dan penambahbaikan berterusan (Bukti 5.5 e).

Kesimpulannya, **PEMBUDAYAAN** BT di PH tidak hanya terhad kepada komuniti dalaman UiTM, tetapi turut diperkukuh dengan jaringan alumni, komuniti, kesukarelawanan, pemindahan ilmu dan **INOVASI** kepada masyarakat, serta pencapaian di peringkat nasional dan antarabangsa. Kejayaan ini mengangkat PH sebagai sebuah fakulti yang komited merealisasikan BT di peringkat fakulti, universiti dan global

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_S01_SB05_20251_Bukti 5.5 a - Kecemerlangan Operasi OE_latest.pdf](#)
2. [F0046_S01_SB05_20252_Bukti 5.5 b - Pemindahan Ilmu dan Inovasi Sosial.pdf](#)

3. [F0046_S01_SB05_20253_Bukti 5.5 c - Pengiktirafan Di Peringkat Luar UiTM.pdf](#)
4. [F0046_S01_SB05_20254_Bukti 5.5 d - Penetapan SAP.pdf](#)
5. [F0046_S01_SB05_20255_Bukti 5.5 e - Hebahan Aktiviti dan Kejayaan PH.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Beraspirasi menjadi “Globally Renowned University, Locally Rooted” menjelang 2025, PH TELAH MERANCANG pelbagai inisiatif melalui UiTM Desired State Strategi 9: Industry, Community and Alumni Smart Partnership yang digariskan di dalam Pelan Strategik UiTM 2025 sebagai teras utama bidang tumpuan (BT).

PENDEKATAN (APPROACH)

PH TELAH **MERANCANG** (PLAN) melalui Bengkel Pelan Perancangan Strategik Bil. 7 (2021-2025) yang TELAH diadakan pada 5-7 Januari 2024 dan melakukan **PELAKSANAAN** (DO) melalui TIGA INISIATIF STRATEGIK iaitu Alumni for Change & Transformation (ACT), Impactful Partnership Initiative (SynergizeED) dan Supporting Health in Neighborhoods (SHINE). Tiga SAP ini dirancang untuk memastikan PI yang ditetapkan oleh TRU dapat dicapai. Usaha **PEMANTAUAN** (CHECK) secara pelaporan dan maklumbalas program dilakukan bagi memastikan kelestarian program dan pencapaiannya sejajar dengan objektif Pelan Strategik PH dan UiTM. Projek-projek yang TELAH dilaksanakan merupakan **PENAMBAHBAIKAN** (ACT) dari projek-projek yang telah dijalankan pada tahun 2023 seperti PharmIDEX dan Know Your Medicine.

PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Inisiatif perluasan yang melangkaui UiTM TELAH diambil adalah melalui **PERANCANGAN** (PLAN) dan pemetaan projek-projek BT bagi meningkatkan jumlah program kemasyarakatan dan memudahkan pertukaran pengetahuan di kalangan warga PH, alumni, organisasi luar dan komuniti setempat. **PELAKSANAAN** (DO) TELAH diteruskan dengan membudayakan pelaksanaan program-program berimpak tinggi dan meningkatkan bilangan perolehan geran. PH turut mengetengahkan pakar dari kalangan warga PH untuk menyumbang dan berkongsi kepakaran kepada komuniti setempat. **PEMANTAUAN** (CHECK) berkala terhadap kemajuan projek-projek yang mendokong inisiatif strategik adalah penting bagi memastikan pelaksanaan adalah mengikut perancangan. Peringatan penghantaran status kemajuan melalui emel DILAKSANAKAN bagi memastikan projek-projek tersebut mencapai objektif yang telah ditetapkan dan **PENAMBAHBAIKAN** (ACT) telah dilakukan menerusi penerbitan buletin elektronik, "*Prescription*".

PEMBELAJARAN (LEARNING)

PEMANTAUAN

PH TELAH menggunakan pelbagai instrumen dan mekanisme **PEMANTAUAN (CHECK)** termasuk pelaporan hasil selepas program, lantikan penilai dalaman, borang maklumbalas soal selidik serta MKSP bagi menilai pencapaian pelaksanaan program. Laporan dimuatnaik di laman sesawang **UiSMS** dan seterusnya **PRIME** untuk mendapatkan penarafan bintang MyRA. **PEMANTAUAN (CHECK)** pengoperasian juga dilaksanakan melalui Audit Dalam dan Audit Luar iQMS. Hasil audit dibincangkan di dalam MKSP termasuk penilaian pencapaian objektif kualiti 6, 7 dan 8 yang dipetakan sebagai elemen pengukuran BT. PH TELAH **MELAKSANAKAN** (DO) projek-projek yang mampu menambahbaik prestasi PH dalam BT.

KENALPASTI RISIKO

Mekanisme **PENGURUSAN RISIKO** PH yang komprehensif TELAH dilaksanakan melalui analisa SWOT, analisa pencapaian petunjuk prestasi, lantikan penyelaras risiko dan lantikan SOSHCo. **MAKLUMAT DAFTAR RISIKO TELAH DIWUJUDKAN** untuk memantau dan melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan risiko yang dihadapi oleh PH. **PENILAIAN** pasca projek (*postmortem*) dilaksanakan sejurus tamatnya sesuatu projek bertujuan **MENGenalPASTI RISIKO** yang telah berlaku, punca-punca kegagalan atau cabaran yang dihadapi.

PENAMBAHBAIKAN

Langkah **PENAMBAHBAIKAN** untuk program-program masa hadapan termasuklah pemerkasaan staf, peningkatan permohonan geran dan penambahan projek komuniti yang melibatkan alumni.

INTEGRASI (INTEGRATION)

PH sentiasa berusaha untuk **MENGINTEGRASIKAN** amalan kerja yang efisien bermula dari **PERANCANGAN (PLAN)**, **PELAKSANAAN (DO)**, **PEMANTAUAN (CHECK)**, **PENGENALPASTIAN RISIKO (ACT)**, **DAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**. Pengadaptasian model ini dapat memastikan tahap **AMALAN PEMBUDAYAAN** ke peringkat yang tertinggi. **INTEGRASI** menyeluruh dari setiap peringkat ini adalah kunci dalam mencapai kecemerlangan dan kelestarian operasi BT PH.

Kesimpulannya, melalui pelbagai inisiatif dan program yang dilaksanakan merangkumi aspek **inklusiviti, akauntabiliti, integriti, pemerkasaan, dan pengurusan risiko**, PH berjaya mencapai kecemerlangan operasi.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pihak pengurusan PH bersama AJK ICAN telah membuat **PERANCANGAN** operasi berpandukan manual tadbir urus ICAN edisi 2018. **PROSES-PROSES UTAMA** yang terlibat dalam menyokong pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik BT adalah berdasarkan analisa **PENILAIAN** dan perbincangan pencapaian BT pada 2024. Ianya dimulakan dengan proses pembentukan carta organisasi serta lantikan ahli jawatankuasa (AJK) di peringkat PH (Bukti 6.2 a) untuk pencapaian hasil BT yang cemerlang. Proses yang kedua adalah melibatkan perbincangan PH bersama pihak terlibat seperti alumni, industri dan komuniti (Bukti 6.2 b) dimana tiga (3) inisiatif strategik utama TELAH diberi tumpuan pada tahun 2024 iaitu:

1. *Alumni for Change & Transformation* (ACT- bersama alumni) TELAH dirangka untuk meningkatkan aktiviti bersama alumni bagi membawa kepada perubahan dan transformasi. Program-program yang telah dirancang untuk dilaksanakan dibawah inisiatif ini termasuklah Ecopharma, World Pharmacist Day, dan Know Your Medicine. ACT tidak hanya berjaya meningkatkan penyebaran ilmu berkaitan farmasi, tetapi juga **MEMPERKASA** dan meningkatkan **DELEGASI** kerjasama di antara jaringan industri, komuniti dan alumni.
2. *Impactful Partnership Initiative* (SynergizeED) TELAH **DIRANCANG** untuk meningkatkan bilangan penyelidik utama bagi geran berkaitan jaringan industri, komuniti dan alumni. Di samping itu, program ini juga dirangka untuk meningkatkan bilangan projek dan jumlah keahlian bagi pertubuhan dan persatuan, serta penambahan bilangan penganugerahan di konferensi dan seminar. Selain itu, program ini menyumbang kepada aspek pembangunan staf dimana staf berpeluang menjalani sabatikal di institusi terkemuka, dalam mahupun luar negara.
3. *Supporting Health in Neighborhoods* (SHINE) TELAH dirangka untuk merealisasikan program-program berimpak tinggi MyRA yang mendapat penarafan 3 bintang dan ke atas iaitu projek S&P: Memperkasa Elemen Sains dalam Kalangan Murid SEDAMAI dan Perkongsian Penggunaan Ubat Semasa Berpuasa Ramadhan yang melibatkan komuniti berdekatan.

Proses ketiga pula melibatkan pelaksanaan program dari permulaan sehingga pemantauan berkaitan aktiviti. Pelaporan telah dibuat secara **SISTEMATIK** dan **BERKESAN** melalui sistem UePMO. (Bukti 6.2 c).

Selain itu, projek PHIITEX 2025 dan paten TELAH dirangka untuk meningkatkan aktiviti inovasi dan pengkomersilan melibatkan komuniti setempat contohnya murid-murid sekolah rendah dan menengah, institusi pendidikan tinggi awam dan swasta. Ini merupakan **PENAMBAHBAIKAN** dari projek-projek yang telah dijalankan pada tahun sebelumnya. Contohnya PHIITEX (2024) dirangka bagi menggantikan PharmIINDEX (2023), manakala program Kenal ubat, Kenal sihat (2024) pula menambahbaik program *Know Your Medicine* (2023).

Melalui perancangan yang **SISTEMATIK** dan penekanan kepada kualiti pendidikan, modal insan, penyelidikan, dan jaringan strategik, PH berjaya meningkatkan ketampakan dan pengiktirafan di peringkat global (Bukti 6.2 d).

Pemetaan Petunjuk Prestasi (PI) PH kepada projek-projek utama tersebut memastikan setiap aktiviti dan **INOVASI** diselaraskan dengan objektif strategik fakulti (Bukti 6.2 e). Ini menunjukkan **AKAUNTABILITI** fakulti dalam memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan sejajar dengan matlamat strategik yang telah ditetapkan. Pemetaan ini juga membantu dalam pemantauan prestasi dan penilaian keberkesanan setiap projek yang dilaksanakan, disamping memastikan **INTEGRITI** dalam setiap langkah yang diambil.

Kesimpulannya, PH telah mengenalpasti **PROSES-PROSES UTAMA** yang menyokong BT. **PERANCANGAN** operasi terhadap pelaksanaan proses utama BT TELAH dibuat secara **SISTEMATIK** berpandukan kepada garis panduan yang mengambilkira elemen **PENILAIAN**, **PENAMBAHBAIKAN** dan **INOVASI** yang terhasil. Dengan pendekatan dan **KETERANGKUMAN** yang tinggi, PH berjaya mengenalpasti kekuatan, kelemahan, peluang, dan ancaman yang dihadapi dalam usaha mencapai kecemerlangan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_O01_OB02_20251_Bukti 6.2 a \(1\).pdf](#)
2. [F0046_O01_OB02_20252_Bukti 6.2 b.pdf](#)
3. [F0046_O01_OB02_20253_Bukti 6.2 c.pdf](#)
4. [F0046_O01_OB02_20254_Bukti 6.2 d \(1\).pdf](#)
5. [F0046_O01_OB02_20255_Bukti 6.2 e.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PH komited di dalam mencapai kecemerlangan global melalui **PERLUASAN** inisiatif strategik BT yang melibatkan pelbagai peringkat melangkaui UiTM melalui penglibatan alumni, rakan industri, universiti tempatan, dan antarabangsa. Melalui pendekatan yang sistematik dalam tiga proses utama BT iaitu *Alumni for Change & Transformation* (ACT- bersama alumni) , *Impactful Partnership Initiative* (SynergizeED) dan *Supporting Health in Neighborhoods* (SHINE), PH telah mengadaptasi model **Plan, Do, Check, Act (PDCA)** bagi memastikan keberkesanan dan kesinambungan pencapaian petunjuk prestasi (Bukti 6.3 a):

1. PH TELAH **MERANCANG** (PLAN) inisiatif *Alumni for Change & Transformation* (ACT- bersama alumni), *Impactful Partnership Initiative* (SynergizeED) dan *Supporting Health in Neighborhoods* (SHINE) yang bertujuan untuk meningkatkan jumlah program kemasyarakatan dan memudahkan pertukaran pengetahuan (*knowledge transfer*) di kalangan warga PH, alumni, organisasi luar dan komuniti setempat. Kelebihan PH TELAH dikenalpasti dengan meningkatkan aktiviti bersama alumni untuk membawa kepada perubahan dan transformasi yang signifikan kepada jaringan industri, komuniti dan alumni. Seterusnya, inisiatif untuk membudayakan pelaksanaan program-program berimpak tinggi dan meningkatkan bilangan perolehan geran melalui penganjuran projek-projek inisiatif ACT dan SynergizeED juga **TELAH DILAKSANAKAN** (DO). PH mengetengahkan pakar warga PH untuk menyumbang dan berkongsi kepakaran kepada komuniti setempat melalui projek di bawah inisiatif SHINE. Program ini bertujuan memperkasakan warga UiTM dengan kemahiran komunikasi dan menggalakkan **KETERANGKUMAN** dan **KOMUNIKASI** yang efektif dengan menyediakan platform perkongsian ilmu serta pengalaman kepada warga UiTM melalui 3 proses utama BT (Bukti 6.3 b).
2. **PEMANTAUAN** (CHECK) berkala terhadap kemajuan **projek-projek** yang mendokong inisiatif strategik seperti ACT- bersama alumni, SynergizeED dan SHINE adalah penting bagi memastikan **PELAKSANAAN** (DO) adalah mengikut perancangan. Peringatan penghantaran status kemajuan melalui emel **DILAKSANAKAN**, dan pembentangannya di dalam mesyuarat pengurusan PH bagi memastikan projek-projek tersebut mencapai objektif yang telah ditetapkan. Melalui **PEMANTAUAN** (CHECK) ini, sebarang isu yang timbul dapat ditangani dengan segera bagi memastikan kejayaan program dan pematuhan kepada objektif yang telah ditetapkan (Bukti 6.3 c).
3. PH telah mewujudkan penerbitan buletin elektronik, "*Prescription*" sebagai langkah **PENAMBAHBAIKAN** (ACT) berterusan di dalam komunikasi dan penyebaran maklumat. *Prescription* memaparkan pelbagai topik terkini berkaitan bidang farmasi, hasil nukilan warga PH sendiri dan juga alumni untuk berkongsi aktiviti penyelidikan, termasuk penerimaan anugerah, perolehan geran, dan program jaringan industri, komuniti dan alumni. *Prescription* diuar-uarkan melalui laman web PH, Facebook PH dan dihantar kepada staf UiTM, rakan usahasama serta pemegang taruh PH melalui emel secara bulanan (Bukti 6.3 d). Selain itu, pelajar dan warga PH juga aktif melibatkan diri dalam pelbagai program dan aktiviti-aktiviti berkaitan BT dan membuahkan hasil mendapat biasiswa **INDUSTRI**, kemenangan di pertandingan peringkat **KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA** (Bukti 6.3 e).

Kesimpulannya, melalui pendekatan **PDCA bagi tumpuan operasi**, PH telah mengenalpasti aset dan kekuatan PH dan seterusnya **MERANCANG** (PLAN) program yang menyokong BT. PH TELAH **MELAKSANAKAN** (DO) projek-projek di bawah inisiatif strategik yang telah dirancang dengan sebaik-baiknya dengan melibatkan warga PH, dan juga warga UiTM, alumni, industri dan komuniti. Setelah hasil program **DIANALISA** (CHECK), program PH **DITAMBAHBAIK** (ACT) dan **DIPERLUASKAN** lagi ke peringkat UiTM, rakan usahasama industri, tempatan dan antarabangsa melalui inisiatif capaian secara atas talian dan teknologi digital.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_O01_OB03_20251_Bukti 6.3 a \(1\).pdf](#)
2. [F0046_O01_OB03_20252_Bukti 6.3 b .pdf](#)
3. [F0046_O01_OB03_20253_Bukti 6.3 c \(1\).pdf](#)
4. [F0046_O01_OB03_20254_Bukti 6.3 d .pdf](#)
5. [F0046_O01_OB03_20255_Bukti 6.3 e.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PH TELAH melaksanakan **PEMANTAUAN** bagi mengenalpasti keberkesanan proses PH yang meliputi ACT, SynergizeED dan SHINE. Bagi mencapai matlamat, **INSTRUMEN DAN MEKANISME PEMANTAUAN** yang berkesan digunakan termasuk pelaporan, komunikasi dan **MAKLUMBALAS PELANGGAN** melibatkan pemegang taruh, rakan usahasama, dan pelaksanaan audit dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP).

Sebagai contoh, laporan tamat dilengkapi informasi pelaksanaan, dan permasalahan dalam perjalanan program disediakan. **PEMANTAUAN** perjalanan dan keberkesanan program disimpan secara digital dan fizikal sebagai rujukan masa depan. Laporan juga dimuat naik ke **UiSMS** dan **PRIME** untuk mendapatkan penarafan bintang MyRA. **HASIL PEMANTAUAN** ini digunakan untuk kajian semula pengurusan, memastikan setiap program dilaksanakan dengan efisien dan memenuhi objektif terutama BT (Bukti 6.4.1 a).

Melalui bengkel kecemerlangan operasi PH dan bengkel *Mastering proposal writing: A step by step guide*, pihak pengurusan dan akademik PH mendapat pembelajaran langsung secara interaktif merangkumi prinsip dan strategi yang dikongsi oleh panel berpengalaman bagi memohon geran industri dan komuniti. Penilai bertauliah dilantik untuk melaksanakan **PEMANTAUAN** dalam memastikan hasil penulisan kertas cadangan PH berkualiti (Bukti 6.4.1 b)

ANALISA PEMANTAUAN soal selidik digunapakai sebagai rujukan **PENAMBAHBAIKAN PROGRAM** dan memastikan program memberikan impak positif. Sebagai contoh, Program "Kempen Kesedaran Pelupusan Ubat Secara Selamat" yang dianjurkan oleh PH diantaranya bertujuan untuk mengukuhkan rangkaian antara **ALUMNI, UITM, KOMUNITI, dan PIHAK INDUSTRI** dalam menangani isu pembuangan sisa farmaseutikal. Ini menunjukkan **AKAUNTABILITI** dan **INTEGRITI** dalam pengumpulan dan menggunakan maklumat daripada peserta untuk **PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN** (Bukti 6.4.1 c).

KOMUNIKASI dua hala bersama pemegang taruh dan rakan usahasama dijalankan secara berterusan untuk **MENGENALPASTI** masalah, **MEMANTAU** serta **MENAMBAHBAIK** tadbir urus operasi PH supaya aktiviti berkaitan BT yang dilaksanakan bersifat global dan berimpak tinggi. Ini memperlihatkan **KOMUNIKASI** efektif dalam memastikan semua pihak menyokong usaha fakulti (Bukti 6.4.1 d).

PEMANTAUAN pengoperasian juga dilaksanakan melalui eSRR, Audit Dalam dan Audit Luar iQMS. Hasil audit dibincangkan di dalam MKSP termasuk penilaian pencapaian objektif kualiti 5 dan 8 yang dipetakan sebagai elemen pengukuran BT (Bukti 6.4.1 e).

Kesimpulannya, **PH TELAH** melaksanakan **PEMANTAUAN** melalui pelbagai instrumen yang berkesan bagi membantu menambah baik tadbir urus operasi PH. **HASIL PEMANTAUAN** ini **DIANALISA** dan **TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN** dilaksanakan memastikan keberkesanan dan kelestarian hasil terhadap objektif dan inisiatif strategik BT tercapai.

SENARAI BUKTI:

1. [F0046_O01_OB04_OC01_20251_Bukti 6.4.1 a.pdf](#)
2. [F0046_O01_OB04_OC01_20252_Bukti 6.4.1 b.pdf](#)
3. [F0046_O01_OB04_OC01_20253_Bukti 6.4.1 c \(2\).pdf](#)
4. [F0046_O01_OB04_OC01_20254_Bukti 6.4.1 d \(1\).pdf](#)
5. [F0046_O01_OB04_OC01_20255_Bukti 6.4.1 e \(1\).pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi meningkatkan kualiti operasi dan kejayaan **BT**, PH mengimplementasikan mekanisme pengurusan risiko yang komprehensif dan bersepadu. Pendekatan ini memastikan **KETERANGKUMAN** dalam proses **PENGENALPASTIAN DAN PENGURUSAN RISIKO**.

Melalui bengkel perancangan strategik, **analisa SWOT** bagi **BT TELAH** dibuat untuk **MENGENALPASTI** ancaman dan kesan yang dihadapi oleh PH. Risiko yang dikenal pasti termasuklah kekurangan dana dan kekurangan bilangan peserta dalam keterlibatan program alumni dan komuniti yang dijalankan. Di samping itu, kegagalan mendapatkan geran juga merupakan ancaman yang signifikan (Bukti 6.4.2 a).

Bagi memperkukuhkan **AKAUNTABILITI** dan **INTEGRITI** dalam pengurusan program, pihak PH **TELAH** memastikan pelantikan penyelarass pengurusan risiko dalam jawatankuasa program. Langkah ini menunjukkan komitmen dalam pengurusan risiko yang telus dan berkesan, serta **DELEGASI** tugas yang jelas dalam mengurus risiko. Jawatankuasa ini memainkan peranan dalam **PENGENALPASTIAN RISIKO**, pengurusan yang cermat dan tindakan pencegahan sesuai yang diambil tepat pada masanya (Bukti 6.4.2 b).

MAKLUMAT DAFTAR RISIKO TELAH DIWUJUDKAN untuk memantau dan melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan risiko yang dihadapi. Melalui **PEMANTAUAN** risiko secara berterusan melalui platform UiSMS, operasi PH sentiasa berada dalam keadaan terkawal, sebarang ancaman dapat diatasi dengan cepat dan berkesan (Bukti 6.4.2 c).

Jawatankuasa **SOSHCo** (Occupational Safety and Health Sub-Committee) dilantik untuk memastikan **PENGURUSAN RISIKO** kesihatan pekerjaan di PH dipantau dan ditingkatkan, sejajar dengan komitmen UiTM terhadap keselamatan di tempat kerja. Jawatankuasa **SOSHCo** berperanan dalam **PENILAIAN RISIKO**, memastikan pematuhan undang-undang keselamatan, dan menyediakan latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada warga PH (Bukti 6.4.2 d).

Bagi memastikan keberkesanan pengurusan risiko dan memperkukuh penambahbaikan berterusan, **PENILAIAN** pasca projek dilaksanakan sejurus tamatnya sesuatu projek. Kaedah ini bertujuan **MENGENAL PASTI RISIKO** yang telah berlaku, dan **ANALISIS** punca-punca kegagalan atau cabaran, serta mengenal pasti **LANGKAH MITIGASI** yang telah diambil dan keberkesanannya, cadangan untuk penambahbaikan prosedur operasi standard (SOP) dan **PEMBELAJARAN ORGANISASI** yang boleh dimanfaatkan untuk program seterusnya (Bukti 6.4.2 e). Melalui pendekatan ini, PH bukan sahaja dapat menangani risiko secara lebih proaktif, malah dapat membina budaya kerja berasaskan refleksi dan **PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN**.

Kesimpulannya, **DAFTAR RISIKO DI PH TELAH DIREKODKAN, DINILAI, DAN DIANALISIS** secara menyeluruh. Berdasarkan hasil analisis tersebut, **TINDAKAN PENCEGAHAN DAN PENAMBAHBAIKAN** telah diambil untuk memastikan keberkesanan dan kelestarian pelaksanaan objektif serta inisiatif strategik yang telah dirancang oleh PH.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_O01_OB04_OC02_20251_Bukti 6.4.2 a.pdf](#)
2. [F0046_O01_OB04_OC02_20252_Bukti 6.4.2 b \(1\).pdf](#)
3. [F0046_O01_OB04_OC02_20253_Bukti 6.4.2 c.pdf](#)
4. [F0046_O01_OB04_OC02_20254_Bukti 6.4.2 d.pdf](#)
5. [F0046_O01_OB04_OC02_20255_Bukti 6.4.2 e \(1\).pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Melalui pengkajian semula dan tindakan penambahbaikan yang berterusan, **PH TELAH** melaksanakan pelbagai inisiatif secara inklusif dan menyeluruh dalam mengatasi risiko yang telah dikenalpasti melalui pengumpulan dan analisa data bagi meningkatkan prestasi PH dalam BT.

PEMERKASAAN staf dalam mengukuhkan pencapaian dan prestasi BT telah dibuat dengan memberikan taklimat mengenai tadbir urus dan pelaporan akhir bagi projek-projek dibawah ACT, SynergizeED, dan SHINE (Bukti 6.4.3 a). Tindakan **PENAMBAHBAIKAN** ini berjaya memenuhi petunjuk prestasi yang ditetapkan, berdasarkan jumlah pelaporan projek-projek ke dalam system PRIME (Bukti 6.4.3 b).

INISIATIF SynergizeED **TELAH** dilaksanakan dengan **KETERANGKUMAN** dalam aktiviti penyelidikan yang dikaitkan dengan jaringan industri, komuniti dan alumni. Pemerolehan geran serta penggalakkan kolaborasi di antara penyelidik PH dan luar meningkatkan peluang perolehan geran penyelidikan daripada sumber nasional dan antarabangsa. Melalui inisiatif ini, staf digalakkan untuk menghantar artikel ke jurnal berindeks mahupun ke International Journal of Pharmaceuticals, Nutraceuticals and Cosmetic Science (IJPNaCS), jurnal PH yang berindek myCITE ataupun ke majalah elektronik PH iaitu *Prescription*. Tindakan **PENAMBAHBAIKAN** ini berjaya memenuhi petunjuk prestasi [PI76 Bilangan Program Pemindahan Ilmu (KTP) dan PI77 Jumlah Jumlah Pembiayaan Luar bagi Program USR dan KTP] (Bukti 6.4.3 c).

Salah satu **TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN UTAMA** untuk inisiatif ACT adalah sokongan aktif alumni dalam pelaksanaan program yang menyumbang kepada pencapaian PI080 (Bilangan Program Khidmat Kepakaran Alumni). Melalui Program Kembara Ramadhan 2025 dan Kempen Kesihatan Awam, beberapa alumni **TELAH** menyumbangkan kepakaran mereka malah turut memperkukuh hubungan antara institusi dan komuniti setempat. Keterlibatan staf dan alumni pula dapat memberikan **NILAI TAMBAH** kepada program-program tersebut dengan menambahkan kesedaran berimpak kepada komuniti setempat (Bukti 6.4.3 d).

Di bawah inisiatif SHINE, pelaksanaan program seperti World Pharmacist Day telah memperluas capaian ilmu kepada komuniti tersasar, sekaligus memenuhi PI79 (Bilangan Komuniti yang Menerima/Mendapat Manfaat daripada Projek Penyebaran Ilmu/Teknologi) (Bukti 6.4.3 e).

Kesimpulannya, **DATA DAN MAKLUMAT YANG DIKUMPUL TELAH DIANALISIS** dengan teliti untuk tujuan **PENAMBAHBAIKAN**. Hasil analisis tersebut **TELAH DIAMBIL TINDAKAN** yang efisien dan efektif, dan **TELAH DIKONGSI KEPADA SELURUH WARGA PH** bagi memastikan peningkatan kualiti operasi PH dan semua pihak mendapat manfaat. Dengan pendekatan **REFLEKTIF** dan analitis yang berterusan, PH bukan sekadar mencapai objektif BT, tetapi juga memperkukuh daya tahan organisasi dalam menghadapi cabaran masa depan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_O01_OB04_OC03_20251_BUkti 6.4.3 a.pdf](#)
2. [F0046_O01_OB04_OC03_20252_Bukti 6.4.3 b.pdf](#)
3. [F0046_O01_OB04_OC03_20253_Bukti 6.4.3 c.pdf](#)
4. [F0046_O01_OB04_OC03_20254_Bukti 6.4.3 d.pdf](#)
5. [F0046_O01_OB04_OC03_20255_BUkti 6.4.3 e.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

PH sentiasa berusaha **MENGINTEGRASIKAN** amalan kerja yang efisien bermula dari **PERANCANGAN (PLAN), PELAKSANAAN (DO), PEMANTAUAN (CHECK), PENGENALPASTIAN RISIKO (ACT), DAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**. Pengadaptasian model ini DAPAT memastikan tahap **AMALAN PEMBUDAYAAN** ke peringkat yang tertinggi dan memberi impak terbaik kepada fakulti. **INTEGRASI** menyeluruh dari setiap peringkat ini adalah kunci dalam mencapai kecemerlangan dan kelestarian operasi BT PH.

Dalam memastikan usaha penambahbaikan berterusan dan keterjaminan kualiti BT dapat dilaksanakan, **PENGLIBATAN** keseluruhan warga PH dan budaya saling membantu TELAH membentuk persekitaran kerja yang sihat dan produktif. Hebahkan **PEMBUDAYAAN** yang berterusan melalui poster-poster untuk memberi penghargaan penerbitan, penerima geran juga TELAH dilaksanakan sebagai salah satu bentuk sokongan kepada warga yang mendapat geran dan anugerah di peringkat antarabangsa, nasional, industri dan universiti yang dihebahkan di laman Facebook Rasmi PH (Bukti 6.5 a).

Program Jom Sains Farmasi mendapat sambutan baik daripada pelajar-pelajar sekolah rendah dari komuniti setempat kerana menggalakkan minat untuk mengenali ilmu berkait farmasi. Program ini melibatkan staf akademik dan juga makmal. Manakala PHIITEX merupakan projek penting yang TELAH menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan warga PH, alumni dan juga komuniti setempat seperti sekolah-sekolah rendah dan menengah serta IPTA/IPTS. PHIITEX bertindak sebagai satu platform yang **MENGINTEGRASIKAN AMALAN PEMBUDAYAAN INOVASI** di peringkat lebih luas, merangkumi komuniti pendidikan yang lebih besar. Melalui PHIITEX, peserta berpeluang membangunkan idea-idea inovatif dan hasil penyelidikan yang berpotensi untuk dikomersilkan, dan seterusnya menyertai pertandingan inovasi di peringkat antarabangsa, seperti International Innovation and Design Expo (IIDEX) anjuran UiTM (Bukti 6.5 b).

Manakala, kempen pelupusan ubat (Jom Sihat) dan program mengawal pesakit daripada terjatuh bersama komuniti menerusi geran CE-SIR (Elderly Medication and Safety dan MySafeMed) adalah dua contoh terbaik bagaimana PH berinteraksi dengan masyarakat untuk menangani isu kesihatan awam (Bukti 6.5 c). Program ini bukan sahaja meningkatkan **PENGURUSAN RISIKO** dalam pengendalian ubat-ubatan dan terjatuh malahan memperlihatkan **INTEGRITI** PH dalam tanggungjawab sosialnya. **INTEGRASI** dengan pelbagai pihak, termasuk komuniti dan organisasi luar, memastikan pendekatan yang holistik dalam menangani risiko kesihatan. Kempen ini juga **MEMBUDAYAKAN AMALAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL**, menjadikannya sebahagian daripada nilai teras fakulti yang terus diamalkan dan dikembangkan dalam semua aktiviti yang dijalankan. Penglibatan yang aktif, dan **PEMERKASAAN** program-program yang dijalankan membuahkan hasil kerana penyelidik PH telah mendapat geran daripada industri dan MOU/MOA dengan pihak industri (Bukti 6.5 d).

Jurnal PH, IJPNaCS, diindeks oleh MyCite, merupakan strategi kritikal PH untuk **MELUASKAN, MENAMBAHBAIK**, serta kebolehtampakan PH dalam dunia akademik. Jurnal ini bukan sahaja memaparkan hasil kajian dari penyelidik PH dan UiTM tetapi juga dari **luar UiTM dan antarabangsa**. Usaha ini menunjukkan tindakan PH di dalam **PEMERKASAAN** staf dan alumni untuk menggalakkan penulisan ilmiah dan meningkatkan kualiti serta kuantiti penerbitan. Lebih membanggakan, IJPNaCS telah mendapat pengiktirafan di peringkat universiti dan merangkul beberapa anugerah di peringkat universiti seperti "Most Active Repositored Journal", "Consistently DOIs users' Journal Award", dan "Fastest Emerging MyCite Journal in 2023 Since First Online within 3-4 years" (Bukti 6.5 e).

Kesimpulannya, melalui pelbagai inisiatif dan program yang dilaksanakan, PH TELAH menunjukkan komitmen yang tinggi dan **MADANI** di dalam mengintegrasikan **AMALAN DAN PEMBUDAYAAN TERBAIK** di peringkat **UITM, KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA** di dalam mencapai kecemerlangan operasi BT.

SENARAI BUKTI :

1. [F0046_O01_OB05_20251_Bukti 6.5a.pdf](#)
2. [F0046_O01_OB05_20252_Bukti 6.5 b .pdf](#)
3. [F0046_O01_OB05_20253_Bukti 6.5 c.pdf](#)
4. [F0046_O01_OB05_20254_Bukti 6.5 d .pdf](#)
5. [F0046_O01_OB05_20255_Bukti 6.5 e .pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil 2: Kelestarian Komuniti dipacu Sinergi Warga Fakulti Farmasi melalui Pendekatan Lingkaran Empat Serangkai (*Quadruple Helix*): Tumpuan kepada Sumber Manusia

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

PH telah merancang pelbagai inisiatif strategik yang ditambah baik dalam Bengkel Pelan Perancangan Strategik Bil. 7 pada 5–7 Januari 2024. Hasil bengkel ini telah disebarluaskan kepada semua warga fakulti dengan penekanan kepada tiga inisiatif strategik (SAP): *Alumni for Change & Transformation (ACT)*, *Impactful Partnership Initiative (SynergizeED)*, dan *Supporting Health in Neighborhoods (SHINE)*. SAP ini dirangka bagi mencapai PI TRU melalui pendekatan *quadruple helix (QH)*. QH merupakan kerjasama strategik antara universiti, industri/NGO, kerajaan dan komuniti dalam melaksanakan kerjasama berimpak tinggi yang memenuhi keperluan masyarakat. Dipandu nilai MADANI, warga PH telah menggerakkan pelbagai inisiatif bersepadu untuk mencapai semua sasaran yang ditetapkan.

Tahap: Hasil operasi yang efektif dan komitmen semua warga PH, 83.3% PI yang ditetapkan oleh TRU **TELAH MELEBIHI** dan **MENCAPAI** sasaran. Pelaksanaan ketiga-tiga SAP ini telah berjaya menggalakkan jalinan kerjasama antara warga PH dengan pihak institusi/industri di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Malahan, PH **TELAH** menerima pelbagai anugerah AKPU dan MeTIC untuk kecemerlangan warga PH.

Tren: PH terus menunjukkan prestasi cemerlang secara konsisten dalam pencapaian KPI universiti 2022-2024, hasil komitmen padu seluruh warga fakulti. **TREN POSITIF** dicatat dalam penerbitan bersama institusi/industri dalam serta luar negara, penyertaan aktif staf dan alumni dalam program komuniti kebangsaan dan antarabangsa, serta peningkatan geran kerjasama strategik. Kenaikan pangkat staf akademik turut mengukuhkan kredibiliti fakulti sebagai rujukan dalam pemindahan ilmu, sejajar dengan agenda BT dan kelestarian penyelidikan. **TREN POSITIF** Indeks Kegembiraan PH turut memberi impak langsung kepada pencapaian sasaran BT.

Perbandingan: PH menunjukkan lonjakan prestasi melalui pengiktirafan penyelidik sebagai *World's Top 2% Scientist* dan peningkatan *QS Ranking by Subject Pharmacy & Pharmacology (WUR-P&P)* ke kedudukan 251–300 pada tahun 2025. HS, UiTM pula menonjol dalam bidang interdisiplin dan pemerikasaan komuniti, namun belum tersenarai dalam *QS Ranking*. PH, UKM berada dalam kelompok 101–150 dunia. Sementara itu, PH, CU berada dalam kelompok 150 teratas dunia, dengan reputasi kukuh dalam penyelidikan dan jaringan akademik global.

PERBANDINGAN ini menunjukkan UiTM semakin kompetitif bersama UKM dalam penyelidikan berimpak tinggi, dan CU sebagai penanda aras serantau. Ini memperkukuh peranan PH sebagai pusat kecemerlangan akademik dan pemangkin transformasi komuniti melalui pemindahan ilmu berimpak tinggi.

Kepentingan: Keberhasilan strategi sumber manusia PH telah memperkukuh ketokohan penyelidik dan meningkatkan kebolehtampakan UiTM di persada antarabangsa. Pengiktirafan *World's Top 2% Scientist* membuktikan kebolehan PH bersaing secara **GLOBAL**. Penyertaan aktif warga PH dalam pertandingan inovasi menyumbang kepada impak sosial dan kelestarian BT. PH terus memacu pembangunan modal insan berkualiti melalui penyelidikan inovatif dan penerbitan berimpak tinggi, menyokong peningkatan WUR-P&P. Ini mencerminkan komitmen warga PH terhadap pemindahan ilmu dan kesedaran masyarakat melalui pendekatan QH berimpak yang inklusif melalui penarafan 3-bintang projek komuniti. Inisiatif MediSafE bersama KKM dan Alpro serta pelantikan Dr. Hisyam Abdul Hamid sebagai pakar rujuk mengukuhkan peranan PH sebagai pemangkin kelestarian komuniti. Kerjasama PH bersama rakan

institusi/industri dalam serta luar negara telah memperkukuhkan **IMPAK** penyelidikan dan kelestarian komuniti. Sinergi warga PH dalam pemindahan ilmu dan inovasi menyerlahkan kebolehtampakan UiTM di persada dunia. Pendekatan bersepadu berasaskan model QH telah menghasilkan **IMPAK GLOBAL** ketara terhadap SDG, khususnya dalam menjamin pendidikan berkualiti dan memperkasa kesihatan komuniti ke arah pembangunan mampan MADANI.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0046_HB02_20251_Hasil_1_Final_Latest_260825_Tahap_revised.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0046_HB03_20252_Hasil_1_Final_Latest_260825_Tren.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0046_HB04_20253_Hasil_1_Final_Latest_260825_Perbandingan.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0046_HB05_20254_Hasil_1_Final_Latest_260825_Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil 1: Memperkasa Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan melalui Arkitektur Inovasi Heliks: Tumpuan kepada Inisiatif Strategik

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

PH TELAH MERANCANG dan MERANGKA Pelan Perancangan Strategik bagi 2021-2025 dengan mendokong aspirasi universiti dalam mencapai kecemerlangan global dengan memperkasa BT Jaringan Alumni, Komuniti & Kesukarelawan di bawah TD ICAN. Perancangan yang berkesan telah menobatkan PH sebagai Fakulti berstatus 6 bintang (memperoleh lebih dari 90% i-Skor UiTM) pada tahun 2024. **PH TELAH MELAKSANAKAN** Pelan Tindakan Strategik (SAP) yang mengandungi TIGA (3) inisiatif strategik utama iaitu **Alumni for Change & Transformation (ACT)**, **Impactful Partnership Initiative (SynergizED)** dan **Supporting Health in Neighborhoods (SHINE)**. **OBJEKTIF UTAMA** pendekatan ini sejajar dengan model *Quadruple Helix* atau "Lingkaran 4 serangkai" bagi **MELONJAKKAN** impak PH dalam memperkukuhkan keterlibatan alumni, memantapkan jaringan komuniti dan kesukarelawan yang menyumbang kepada indikator utama TRU UiTM.

Tahap: PH telah berjaya **MENCAPAI SASARAN PI** yang ditetapkan. Pencapaian beberapa PI (Bilangan MoA baru, jumlah sumbangan kewangan (sumber luar) dan jumlah perbelanjaan kewangan (sumber dalam) untuk program KTP serta jumlah program perkhidmatan kepakaran alumni adalah **MELEBIHI SASARAN** yang telah ditetapkan. PH juga menghasilkan 7 orang alumni yang **BERJAYA** menjadi usahawan dan salah satu syarikat yang ditubuhkan adalah **BERTARAF ANTARABANGSA**. PH **BERJAYA** menganjurkan Program Pemindahan Ilmu yang memanfaatkan komuniti Bandar Eristana, Sungai Buloh. Kesemua projek yang dirancang telah mengambil kira faktor risiko yang dikenalpasti, dipantau melalui pelan mitigasi, serta ditambahbaik secara berterusan.

Tren: PH terus menyerlah dengan menunjukkan **TREN YANG POSITIF** bagi penganalisaan data dalam bilangan alumni yang menjadi usahawan dari tahun 2022 ke 2024. Jumlah MoA baru di PH **TELAH MENINGKAT** sebanyak 4 kali ganda berbanding tahun-tahun sebelumnya, selari dengan amaun geran industri yang **MELONJAK** dari RM50,000 ke RM1,627,626. Peratusan komuniti yang mendapat faedah daripada aktiviti PH pada tahun 2024 **TELAH MENINGKAT** 2 kali ganda berbanding tahun sebelumnya sehingga berjaya **MENGUKUHKAN** reputasi PH di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Perbandingan: Perbandingan penanda aras antara fakulti kluster kesihatan UiTM, serta organisasi dalam dan luar negara turut dianalisis dalam menjadikan PH UiTM sebagai antara **Fakulti Farmasi TERNAMA** di Malaysia dan antarabangsa. Analisis penunjuk prestasi PI073, PI077, PI079 dan PI080 membuktikan PH mencatat prestasi yang lebih cemerlang **BERBANDING** Fakulti Pergigian, khususnya dalam aspek kerjasama tempatan, jumlah keseluruhan yang diterima daripada sumber luar bagi program USR dan KTP, pemindahan ilmu kepada komuniti, serta penglibatan kepakaran alumni. Usaha-usaha ini telah menyumbang kepada pengukuhan kedudukan PH dalam penarafan QS World University Rankings.

Kepentingan: PH memperkasa kecemerlangan melalui pendekatan "Lingkaran 4 serangkai", memacu penyelidikan berinovasi dan kolaborasi industri-komuniti-akademia. Pelantikan CEO@Faculty (*Superbig Capital, Pfizer, Alpro Pharmacy*) diiktiraf di Majlis Anugerah MeTIC ke-14 2025, mengukuhkan inisiatif berimpak tinggi seperti ACT, SynergizeED dan SHINE. Jaringan alumni, penempatan antarabangsa, serta program kesihatan komuniti dan kesukarelawan memperluas lagi impak sosial. Di peringkat kebangsaan, kerjasama dengan KKM, MyMedisafe dan Alpro, disokong liputan media arus perdana turut menaikkan kebolehtampakan. *Podcast* bertema farmasi mengumpul hampir 7,000 tontonan. Pemetraian

...memberi, penguasaan geram m... dan ERCC (1022200), serta p... telah memperkukuh pencapaian berteraskan nilai MADANI, sekali gus menyokong aspirasi GRU2025 dan memantapkan kedudukan UiTM sebagai peneraju pendidikan, penyelidikan dan khidmat komuniti. Keseluruhannya, pencapaian SKPG 99.3% mengesahkan keberkesanan strategi ini dalam memperkasa kualiti pengajaran, kebolehpasaran graduan, dan impak sosial universiti.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0046_HB02_20251_HASIL_2_TAHAP3.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0046_HB03_20252_HASIL_2_TREN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0046_HB04_20253_HASIL_2_PERBANDINGAN.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0046_HB05_20254_HASIL_2_KEPENTINGAN2.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL 3: Impak Inisiatif *Alumni for Change and Transformation* (ACT) dalam Pengukuhan Jaringan Alumni PH: Tumpuan kepada Operasi

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Selaras dengan aspirasi UiTM melalui tema strategik UiTM Desired State Strategi 9: *Industry, Community and Alumni Smart Partnership* yang digariskan di dalam Pelan Strategik UiTM 2025, Fakulti Farmasi (PH) telah melaksanakan inisiatif *Alumni for Change and Transformation* (ACT), *Impactful Partnership Initiative* (SynergizED) dan *Supporting Health in Neighbourhoods* (SHINE) sebagai platform strategik memperkasa keterlibatan alumni dalam pembangunan fakulti. Inisiatif ini terbukti berjaya melonjakkan peranan alumni sebagai pemangkin kecemerlangan akademik, pemacu keusahawanan, dan duta kesihatan awam negara.

TAHAP pelaksanaan operasi inisiatif ACT menunjukkan pencapaian cemerlang dengan tiga indikator utama-PI019 (alumni sebagai usahawan), PI080 (perkhidmatan kepakaran alumni) dan PI138 (pendaftaran Kad MyAlumni UiTM Virtual) mencatatkan 100 peratus pencapaian sejajar dengan sasaran yang ditetapkan. Melalui pelaksanaan program berimpak tinggi seperti World Pharmacist Day, Know Your Medicine dan EcoPharma, serta pengiktirafan PH sebagai rakan strategik kerajaan dalam inisiatif MyMediSAFE, PH berjaya **MENCAPAI** dan **MELEBIHI SASARAN** yang telah ditetapkan oleh TRU.

TREN POSITIF dapat dilihat di atas pencapaian yang dicatatkan dalam PI019, PI080 dan PI138 yang merekodkan 100% hingga 136% pencapaian bagi tempoh 2022–2024, membuktikan pelaksanaan operasi yang sistematik, berstruktur dan mendapat kepercayaan alumni sejajar dengan BT.

PERBANDINGAN prestasi dengan fakulti dalam kluster kesihatan di UiTM menunjukkan PH mencapai atau melebihi pencapaian rakan fakulti lain, dengan skor lebih tinggi dalam *Quadruple Helix Engagement Index* serta liputan nasional melalui media arus perdana.

PERBANDINGAN di antara PH UiTM dan UKM memberi gambaran jelas tentang pendekatan operasi masing-masing dalam memperkasa impak komuniti melalui jaringan alumni dan juga kekuatan alumni kedua-dua institusi dalam membentuk ekosistem kesihatan negara. Kejayaan operasi program EcoPharma@UCS, yang melibatkan penyertaan aktif akademia, industri, kerajaan dan komuniti, menonjolkan PH sebagai peneraju kolaborasi pintar dalam pendidikan farmasi lestari. Aktiviti ini memperlihatkan capaian yang lebih baik berbanding aktiviti yang sama dijalankan oleh University at Buffalo, Amerika Syarikat.

Dari sudut **KEPENTINGAN**, ACT telah memantapkan ekosistem fakulti melalui hubungan dua hala yang strategik dan mampan bersama alumni, menjadikan mereka bukan sahaja penyumbang ilmu dan kepakaran, malah sebagai pemangkin perubahan dalam landskap kesihatan negara. ACT juga menyumbang terus kepada reputasi, kebolehtampakan dan pengiktirafan UiTM di peringkat nasional dan antarabangsa. Malah, ACT telah merintis hubungan antarabangsa menerusi perbincangan lanjut bersama United Nations Industrial Development Organization (UNIDO) untuk peluasan ke rantau ASEAN. Alumni PH turut mencipta sejarah melalui pencapaian nasional dan global dalam bidang profesional dan keusahawanan. Mereka bukan sahaja menerajui organisasi farmasi dan kesihatan di dalam negara, malah memberi **IMPAK GLOBAL** melalui penglibatan dalam jaringan antarabangsa, penjenamaan global, dan kerjasama rentas sempadan

Secara tuntas, ACT bukan sekadar satu inisiatif operasi, tetapi sebuah agenda transformasi yang membentuk semula cara fakulti mendekati pendidikan, keserjanaan dan jaringan strategik, menjadikan alumni sebagai aset utama dalam pembentukan masa depan farmasi yang lestari dan progresif.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0046_HB02_20251_H3 Level Updated.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0046_HB03_20252_Hasil 3_TREN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0046_HB04_20253_H3 Comparison Updated.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0046_HB05_20254_Kepentingan.pdf](#)